



**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
KAMPUS SEGAMAT, JOHOR**

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA:**

**TOKOH AGAMA TUAN HAJI HASSAN BIN HAJI ATAN**

**DISEDIAKAN OLEH:**

**MUHAMAD FADZLI BIN SHARIF (2013908647)  
JULAIHAN BIN JUHAILI (2013144379)**

**PROJEK DIMAJUKAN KEPADA:**

**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
KAMPUS SEGAMAT, JOHOR**

**BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR604 – DOKUMENTASI SEJARAH LISAN**

**SEMESTER 5 (MAC 2015 – JUN 2015)**

## **PENGHARGAAN**

Assalamualaikum W.B.T.

Alhamdulillah syukur kehadrat Illahi Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurniaanNya serta keizinannanNya kami dapat menyempurnakan tugasan yang diberikan. Kami juga bersyukur kerana diberikan kesihatan tubuh badan yang sihat bagi membuat tugasan dengan jayanya.

Sudah pastinya tanpa dorongan dan tunjuk ajar kepada kami iaitu En. Zul-Azmi bin Ishak, Pensyarah Sejarah Lisan (IMR 604) Fakulti Pengurusan Maklumat kami tidak dapat menyempurnakan tugasan ini. Kami mengucapkan sekalung terima kasih kerana memberikan informasi tentang cara-cara untuk menjalankan tugasan sejarah lisan ini. Disamping itu juga, pelbagai kaedah dan panduan yang telah beliau curahkan kepada kami dlm membuat temubual dan transkrip ini.

Setinggi tinggi terima kasih kepada Tuan Haji Hassan bin Haji Atan yang mana kami telah memilih beliau sebagai individu untuk ditemuramah. Jasa dan kerjasama beliau amat kami hargai dan tidak dilupakan kerana dapat meluangkan masa dan berkongsi maklumat tentang sumbangaan dan pengorbanan beliau tentang perjuangan agama dan bangsa. Tanpa kerjasama dan perkongsian beliau pasti kami tidak dapat memperolehi maklumat dari beliau yang sangat berharga kepada semua golongan dan umat Islam.

Tidak dilupakan juga kepada rakan-rakan yang turut memberikan idea dan pandangan serta pertolongan dalam menyiapkan tugasan ini. Akhir sekali, tidak dilupakan juga kepada individu yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam tugasan ini.

Sekian, terima kasih.

## **ISI KANDUNGAN**

### **PENGHARGAAN**

|      |                         |              |
|------|-------------------------|--------------|
| 1.0  | ABSTRAK                 | <b>1</b>     |
| 2.0  | PENGENALAN:             | <b>2-3</b>   |
| 3.0  | TRANSKRIP TEMUBUAL      |              |
| 3.1  | RAKAMAN 1               | <b>4-76</b>  |
| 4.0  | LOG TEMUBUAL            | <b>77-80</b> |
| 5.0  | BIODATA TOKOH           | <b>81</b>    |
| 6.0  | SENARAI SOALAN TEMUBUAL | <b>82-88</b> |
| 7.0  | KRONOLOGI TEMUBUAL      | <b>89-90</b> |
| 8.0  | RALAT                   | <b>91</b>    |
| 9.0  | BIBLIOGRAPHY            | <b>92</b>    |
| 10.0 | LAMPIRAN                | <b>93</b>    |
| 11.0 | INDEKS                  | <b>94-97</b> |

# ABSTRAK

## 1.0 ABSTRAK

**Abstrak :** Muhamad Fadzli bin Sharif dan Julaihan bin Juhaili telah menebual Tuan Haji Hassan bin Haji Atan pada 22 May 2015. Temubual ini telah dibuat di rumah beliau iaitu di Kampung Tebing Tinggi, Segamat Johor. Tuan Haji Hassan bin Haji Atan ataupun dikenali sebagai A. Manap merupakan anak jati Segamat dimana beliau dibesarkan dan mendapat pendidikan pertama di sekolah Agama Tuanku Abdul Rahman Segamat, Johor. Beliau mendapat pendidikan pertama pada tahun 1954 dan berakhir pada 1958. Beliau telah mendirikan rumah tangga bersama isteri beliau iaitu Puan Hajah Rahman binti Haji Idris pada tahun 1969. Hasil dari perkahwinan beliau dengan isteri tercinta, mereka telah dikurnia lapan orang anak. Tuan Haji Hassan bin Haji Atan pernah berkhidmat sebagai seorang guru bahasa melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di Kluang Johor. Sepanjang perkhidmatan beliau sebagai seorang pendidik, beliau telah beberapa kali berpindah kerana bertugas. Pada awalnya beliau bertugas di Sekolah Kebangsaan Cina Buloh Kasap dan kemudiannya dihantar ke Sekolah Kebangsaan Cina Chan Hui Estate Jaguh Kluang Johor. Selain itu, beliau juga pernah menjinak-jinakkan diri dengan banyak persatuan-persatuan belia. Antara salah satunya ialah sebagai seorang penulis cerpen persatuan penulis-penulis muda Daerah Segamat. Setelah bersara dari alam pekerjaan, beliau kini berkhidmat sebagai imam dan juga juru nikah di Kampung Tebing Tinggi Segamat Johor.

Kata Kunci: Pendidikan, Persatuan, Pekerjaan, Segamat, Perkhidmatan

# PENGENALAN

## 2.0 PENGENALAN

Jika kita menyebut tentang tokoh agama, sudah tentunya kita akan membayangkan tokoh agama yang tersohor di Nusantara iaitu Haji Abdul Malik Karim Amrullah (1908-1981) atau dikenali sebagai Hamka. Yang merupakan seorang penulis dan ulama terkenal di Indonesia. Gelaran yang diberikan kepada beliau adalah “Buya” yang diambil daripada perkataan arab iaitu “Abi” atau “Abuya” yang membawa maksud ayah atau seseorang yang amat dihormati. Beliau merupakan ketua Majlis Ulama Indonesia, yang merupakan salah satu pertubuhan agama yang terbesar di Indonesia. Sewaktu zaman penjajahan Belanda, Hamka merupakan ketua editor majalah Indonesia seperti Pedoman masyarakat, Panji Masyarakat dan Gema Islam. Selain menjadi guru agama di Tebing Tinggi dan Padang Panjang, beliau juga menjadi pensyarah di Universiti Islam Jakarta dan Universiti Muhammadiyah serta Rektor Perguruan Tinggi Jakarta dan Pegawai Tinggi Agama Indonesia. Beliau telah menulis karya sebanyak 79 buah buku dan dilantik sebagai tenaga pengajar di beberapa university di Indonesia dan Malaysia. Beliau meninggal dunia pada 1981M pada usia 73 tahun di Malaysia. Sepanjang hidup beliau, beliau merupakan seorang yang petah berpidato, berjiwa seni melalui pantun dan syair dalam karyanya serta seorang yang berani dalam memberikan semangat untuk umat islam menentang pihak Belanda di Indonesia. Pemergian beliau tiada pengganti dan perginya beliau tidak kembali.

Selain itu, pada masa kini terdapat seorang lagi tokoh agama yang disegani. Bukan sahaja di peringkat tempatan di negaranya, malah seluruh dunia. Beliau yang dimaksudkan adalah Dr. Zakir Naik Abdul Karim. Nama aslinya adalah Zakir Abdul Karim. Dilahirkan pada 18 Oktober 1965 di Mumbai India. Beliau merupakan seorang pembicara umum Muslim India, dan penulis keislaman dan perbandingan agama secara profesionalnya, beliau adalah seorang doktor medis, memperoleh gelaran Bachelor of Medicine and Surgery dari Maharashtra. Beliau menjadi ulama yang terlibat dalam dakwah islam dan perbandingan agama sejak 1991. Menurut beliau, tujuan beliau melibatkan diri dalam dakwah ini adalah untuk membangkitkan kembali dasar-dasar penting islam yang kebanyakan remaja muslim tidak menyadarinya atau memahaminya dalam konteks modernisasi. Beliau begitu dikenali dengan kebolehan luar biasa yang mampu menghafal kitab-kitab agama lain selain al-quran serta analisis yang kritis dan jawapan yang meyakinkan

untuk pertanyaan yang diajukan oleh khalayak semasa ceramah beliau dan telah mengislamkan ribuan orang di seluruh dunia. Beliau juga pernah memberikan ceramah di beberapa buah Negara antaranya Amerika Syarikat, Kanada, United Kingdom, Itali, Arab Saudi, Mesir, UAE, Kuwait, Qatar, Bahrain, Oman, Australia, Afrika Selatan, Botswana, Malaysia, Singapura, Hong Kong, Thailand, Mauritius dan banyak Negara lain selain kebanyakannya di India. Beliau juga pernah dianugerahkan Tokoh Maal Hijrah 1435H/2013M bersempena Majlis Perhimpunan Sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), Malaysia.

# **TRANSKRIP TEMUBUAL**

## 2.0 TRANSKRIP TEMUBUAL

Berikut adalah rakaman sesi temubual bersama Tuan Haji Hassan bin Haji Atan:

Assalamualaikum W.B.T. berikut adalah rakaman wawancara sejarah lisan mengenai peranan dan sumbangan Tuan Haji Hassan bin Haji Atan sebagai tokoh agama. Beliau merupakan bekas pendidik dan juga bekas ahli persatuan belia-belia negeri. Beliau kini berkhidmat sebagai imam di kampung di mana beliau menetap iaitu di kampung Tebing Tinggi dan juga juru nikah di dalam dan juga luar negeri Johor. Sesi rakaman dan temubual ini dijalankan di rumah beliau, nombor satu (No.1), Jalan Imam Kg Tebing Tinggi 85000 Segamat Johor pada dua puluh dua Mei 2015 (22 Mei 2015) pada jam sepuluh setengah pagi (10.30 pagi). Wawancara ini telah dikendalikan oleh Muhamad Fadzli Bin Sharif dan Julaihan Bin Juhaili. Dengan ini kami memulakan wawancara tersebut.

**Julaihan: ok assalamualaikum imam? Apa khabar? Sihat? (bunyi burung)**

Imam Hassan: Wa'laikumusalam, Alhamdulillah. (bunyi burung) AL

**Julaihan: ok baiklah. aaa terlebih dahulu aaa izinkan kami untuk aaa memperkenalkan diri kami dulu. (bunyi burung & ayam)**

Imam Hassan: ya

**Julaihan: Saya aa Julaihan bin Juhaili dan di sebelah saya ni Muhamad Fadzli bin Sharif. Kami merupakan pelajar dari fakulti Pengurusan Maklumat UiTM Kampus Segamat, Johor. Aaa sekarang imam boleh aaa memperkenalkan diri imam? (bunyi burung & ayam)**

Imam Hassan: aa assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh

**Julaihan: Wa'laikumsalam**

Imam Hassan: untuk makluman nama saya ialah Tuan Haji Hassan bin Haji Atan.

**Fadzli: Hmm**

Imam Hassan: Atau saya ni [ini] dua nama, satu. A. Manap pun saya juga.

**Fadzli: A. Manap**

Imam Hassan: haa A. Manap. Hassan bin Haji Atan tapi Manap bin Hj Atan sama la tu [itu]. Ya.

**Julaihan: ok aa adakah anak-anak tok imam masih tinggal lagi bersama tok imam?**

Imam Hassan: Alhamdulillah. Yang setakat ini yang telah berumah tangga tak [tidak], tak (tidak) bersama dengan saya lah Cuma sorang [seorang] saja [sahaja], yang lain semua dah [sudah] mengikut suami dia lah. Dan aa mengikut yang laki-laki dah [sudah] bawak [membawa] diri masing-masing lah. (suara budak) Ke tempat kerja masing-masing lah. (batuk).

**Julaihan: aaa dimanakah aa imam mendapat pendidikan?**

Imam Hassan: aaa saya mendapat pendidikan iaitu, di sekolah ugama [agama] Bandar segamat. Pada tahun 1954, berakhir sampai 1958. Iaitu di Sekolah Ugama [agama]. errr Tuanku Abdul Rahman Segamat.

**Julaihan: ok aaa pada tahun berapakah imam mula mendirikan aaa rumah tangga?**

Imam Hassan: saya mendirikan rumah tangga pada tahun 1969. Dengan isteri saya Puan Hajah Rahmah binti Haji Idris. Kampung Tebing Tinggi Segamat.

**Julaihan: aaa imam mempunyai berapa orang anak? Dan aa apakah kerjaya masing-masing?**

Imam Hassan: errr saya mempunyai lapan orang anak. Aaa Alhamdulillah yang laki-laki adalah bekerja dengan kerajaan dan swasta dan salah seorangnya anak-anak saya adalah seorang pemain bola lah haa tu [itu] dia.

**Julaihan: hmm**

Imam Hassan: Yang laki-lakilah yang perempuan satu bekerja dengan swasta.

**Julaihan: pada tahun berapa imam mula duduk di sini? (bunyi motor)**

Imam Hassan: (bunyi motor) saya duduk sejak saya menikah sini tahun 1969.. (bunyi orang bercakap di belakang)

**Julaihan: ok boleh kita teruskan?**

Imam Hassan: ya?

**Julaihan: boleh teruskan?**

Imam Hassan: haa. (bunyi tong gas)

**Julaihan: ok aa adakah ianya memang aa rumah pusaka keluarga imam aa sejak turun temurun? (bunyi tong gas)**

Imam Hassan: ada. (bunyi tong gas)

**Julaihan: ok aa boleh ceritakan tak aaa rutin seharian imam? (bunyi tong gas)**

Imam Hassan: err saya sebenar dah [sudah] setakat hari ini takde [tidak] bekerja di kampung lagi lah. Apa kaedahnya saya bertugas sebagai imam -. Err, Kejap, tolong kejap. (bunyi orang bercakap di belakang dan tong gas)

**Julaihan: ooo (bunyi orang bercakap di belakang dan burung-burung)**

**Julaihan: ok aaa adakah imam memiliki pengalaman bekerja sebelum ni?**

Imam Hassan: ada iaitu sebagai seorang guru lah. Guru bahasa melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di Kluang Johor.

**Julaihan: ooo, aaa dimanakah pula aaa imam berkhidmat aa pada sector tersebut suatu ketika dulu?**

Imam Hassan: err yang pertama saya bertugas di Sekolah Kebangsaan Cina Buloh Kasap. Kemudian dihantar ke Sekolah Kebangsaan Cina err Chan Hui Estet Jaguh Kluang Johor.

**Julaihan: baiklah aaa pada tahun berapakah imam mula berkhidmat di sector...**

Imam Hassan: tahun 1958

**Julaihan: 1958 (bunyi tong gas) aa pada tahun berapa imam aaa bersara daripada kerjaya?**

Imam Hassan: saya sebenar daripada 1995 saya telah, saya sendiri menamatkan jawatan oleh sebab jauh daripada (bunyi motor) --- tempat kediamanlah. Dalam ladang memang tak [tidak] daya dulu. (bunyi motor)(bunyi ketawa)

**Julaihan: adakah imam pernah terlibat dengan sebarang persatuan ketika masih muda dulu**

Imam Hassan: aa masa itu banyak persatuan-persatuan belia. Persatuan penulis-penulis muda Daerah Segamat. Persuratan muda la masa tu [itu].

**Julaihan: aa apakah sumbangan yang, yang imam aa sumbangkan dalam persatuan berikut?**

Imam Hassan: saya Cuma ser sa salah seorang penulis cerpen lah aa nama as nama, nama apa saya dulu [dahulu] se (suara budak) selain daripada saudara saya sendiri Wardini Asmara, saya Zack Asbar nama saya masa tu [itu] la, saya punya, macam nama samaran lah.

**Julaihan: adakah, apakah impak yang imam peroleh hasil dari penglibatan imam dalam persatuan tu?**

Imam Hassan: Dalam persatuan tu [itu] yang pertama sekali saya dapat menyatupadukan err kaum-kaum muda mudah dan mendapat satupadukan, iaitu persatuan berjalan dengan baik, muafakat diantara satu sama lain, dan mendapat kejayaan daripada peringkat negeri sampai la daripada daerah sampai ke negeri lah

**Julaihan: aaa apakah jawatan yang disandang imam dalam persatuan berikut?**

Imam Hassan: masa tu saya sebagai setiausaha persatuan, penulis-penulis muda daerah segamat.

**Julaihan: apakah pula aktiviti yang aaa yang dilakukan yang biasa dilakukan dalam aa persatuan tersebut?**

Imam Hassan: k [ok] pertama sekali mengadakan aa majlis-majlis perjumpaan. Contohnya perjumpaan hari raya aa perjumpaan majlis-majlis amal contohnya kalau nak [hendak] diadakan majlis sambutan Maulidur Rasul, tu [itu] biasalah atau majlis-majlis yang melibatkan kebaikan dan keugamaan [keagamaan] lah.

**Julaihan: aaa saya dapat tahu aa yang kampong ini aa mempunyai tokoh agama yang terdahulu,**

Imam Hassan: ya

**Julaihan: aa and then sudah semestinya ada masjid tertua di kampong ini. Err dimana terletaknya...**

Imam Hassan: aaa masjid tu ada lagi sekarang

**Julaihan: ada lagi**

Imam Hassan: a'aa masjid yang awal dulu yang mula-mula dulu sini la atas ni [ini], atas ni. Rumah pasung lama dulu ni [ini] masjid dia. Dia bukan masjidlah atap daun (berdecik) lantai buluh, dulu duluu. tahun 1612 saya pun belum lahir lagi kan masa tu. Tu [itu] dia

**Julaihan: ok secara amnya apakah tugas atau peranan seorang imam dalam masyarakat sesebuah kampung?**

Imam Hassan: aaa tugas tu memanglah difikirkan, memang berat. satu yang pertama sekali yang pertama sekali kita iaitu mendidik anak bangsa qariah Jemaah, dan untuk memba membangun kebaikan menjauhi daripada kemungkaran iaitu dengan mengadakan solat-solat berjemaah kelas-kelas agama err kelas-kelas bacaan yassin, kelas-kelas berzanji, tahmil dan lain-lainnya lah err contohnya di masjid ni [ini] memang kita adakan err kelas

membuda membudayakan al quran tiap-tiap malamlah walaupun tak [tidak] ramai sebab setakat hari ini di Johor ni [ini] kelas membudaya al-quran di dirasmikan oleh Tuanku pada tahun 1996 tapi nampaknya, ibarat segan mati tak mahu, hidup segan mati tak mahu (ketawa) Alhamdulillah Masjid Tebing Tinggi walaupun ada 10 orang 5 orang tetap berjalan tiap-tiap malam kecuali ada kelas tahmil lah tu [itu] saja dan kelas yassin tiap-tiap malam jumaat. (suara budak)

**Julaihan: ok baiklah adakah masjid kampung ni menganjurkan majlis berbuka puasa pada setiap kali ramadhan?**

Imam Hassan: err setakat hari ni [ini] – berbuka puasa Cuma kita ambik [ambil] malam (berdecik) apa tu, malam nuzul quran lah haa, err malam nuzul quran ni malam 7 err 17 ramadhan kan?

**Julaihan: hmm**

Imam Hassan: hmm, dan kita adakan berbuka puasa ni [ini] err setiap kali macam kita adakan kalau kiranya ada para jemputan datang contoh daripada pejabat daerah, pejabat kadi diorang akan datang kita pun berbuka puasa lah – oleh sebab memandangkan apa, penduduk kampung ni [ini] tak [tidak] ramai. dan, yang, yang pertamanya yang keduanya terdiri daripada orang, tinggal orang tua-tua saja [sahaja] lah.

**Julaihan: adakah aa majlis berbuka puasa tersebut aa selalu mendapat sambutan?**

Imam Hassan: errr ini yang saya cakap tadi. (ketawa) orang dah biasa tak nak [tidak mahu] berbuka di masjid kan. (ketawa)

**Fadzli: hmmm**

Imam Hassan: err yelah kalau kadang-kadang imam bilal noja la 4-5 orang itu je [sahaja]. Dia dah biasa, selain la dulu [dahulu], dulu [dahulu] memang (berdecik) diorang sampai pukul 3 pagi diorang terawih tu [itu] dulu-dulu tahun err 50-an 50 dulu cerita je [sahaja] la masa tu saya belum ada di sini lah.

**Julaihan: selain majlis berbuka puasa apakah lagi program yang dianjurkan masjid di kampung ini?**

Imam Hassan: aaa yang pertama sekali selain daripada berbuka puasa --- kelas tahmil, kelas agama, yang pertama, yang kedua errr kelas bimbingan al quran. bimbingan ni [ini] memang ada. Maksud dia mengaji al-quran lah. Yang ketiganya aa majlis sakinah la walaupun sakinah tak [tidak] ada sekarang tapi [tetapi] kita buat jugak [juga] sikit-sikit (batuk)

**Fadzli: ok terima kasih ustaz, itu adalah soalan daripada kamilah mengenai latar belakang dan pengalaman ustaz yang ustaz pernah ceburilah. Ok seterusnya aa kami akan terus pergi ke common situation maknanya situasi sekarang lah apa yang aa imam pernah lalui ok soalan pertama saya adalah, tahun berapakah imam mula melibatkan diri dalam persatuan surau ataupun masjid.**

Imam Hassan: tahun saya melibatkan diri setelah apabila saya telah berumah tangga di kampung ini iaitu saya berumah tangga tahun 1969 saya dah [sudah] mula la tu [itu]. Emm dia Tanya apa sini kebijakan, kebaikan kata orang pergi masjid saya sama dan saya pula ganti-ganti masa tu [itu] saya setiausaha masjidlah

**Fadzli: Masjid**

Imam Hassan: Sebelum jadi imamlah (batuk)

**Fadzli: ok adakah aa surau ataupun masjid ni yang menjadi tumpuan imam?**

Imam Hassan: Memang

**Fadzli: Memang?**

Imam Hassan: Kita dah dikhaskan satu tempatlah .

**Fadzli: Ok berapa lama kah imam berkhidmat di surau ataupun masjid tersebut?**

Imam Hassan: start dari tahun 69 hingga hari inilah

**Fadzli: Hingga hari ini. Boleh aa seingat imam, boleh imam, imam berikan nama surau atau masjid yang pernah imam, imam libatkan diri?**

Imam Hassan: Masjid Jamek aa Tebing Tinggi lah

**Fadzli: Tebing Tinggi**

Imam Hassan: Ya

Fadzli: Satu-satunya?

Imam Hassan: Ya

Fadzli: bagaimanakah proses pemilihan imam?

Imam Hassan: Pemilihan imam itu dia melalui peperiksaan, dua peperiksaan yang pertama peperiksaan lisan. Lisan ni [ini] ea erti ni aa peperiksaan bacaan lah maksud dia daripada segi bacaan, ayat-ayat lazim alqur'an, err dan jugak [juga] ayat-ayat dalam bacaan dalam sembahyang contoh-contohlah. Yang keduanya peperiksaan bertulis (batuk). Sebab salah satu ciri-ciri nak [hendak] menjadik [menjadi] imam mestilah lulusan agama. sekurang-kurangnya kalau di Johor ni [ini] nak [hendak] (batuk) darjah 6 sekolah ugama (berdehem) di Johor lah, tempat lain tak tahulah. aa dan peperiksaan itu mesti lulus kalo [kalau] 100 markah mesti sekurang-kurangnya dapat 50.

Fadzli: 50 separuhlah?

Imam Hassan: ha'a

Fadzli: Adakah proses pemilihan imam di Johor dan negeri-negeri lain terdapat perbezaan?

Imam Hassan: haa itu saya ada perbezaanlah. Contohnya Johor dengan Melaka. Aa tu [itu], awak orang Melaka kan?

**Julaihan: hmm**

Imam Hassan: Contohlah. Saya tau [tahu] di Melaka sana dia kata imam apabila umur 6. Setaka setakat hari ni lah. - 65 tahun, ditamatkan jawatan dia. Tapi di Johor ni umur 80 saya tengok dekat mana-mana di Kluang mana-mana

**Fadzli: masih.**

Imam Hassan: masih lagi. Kalau kita takde [tidak ada] mempunyai kesalahan .tidak bercanggah dengan enakmen dan undang-undang syarak, kita beriktiad dalam sunnah wal jama'ah, bukan daripada syi'ah dan seumpamanya. Maka dia masih dipakai lagi. Tetapi mesti melalui peperiksaan 3 tahun. Macam imam masjid setahun periksa. Periksa bertulis periksa lisan. Untuk jurunakah ni 3 tahun periksa (berdehem). Sekali.

**Fadzli: ok sebentar tadi imam ada aa beritahu mengenai terbatalnya seorang imam jika melanggar, melanggar peraturan imam. Boleh imam jelaskan tak [atau tidak] apa peraturan-peraturan yang patut dipatuhi?**

Imam Hassan: Contohnya tidak, tidak bertentangan dengan Jabatan Agama contohnya apa yang telah diamanahkan, maka imam akan melakukan tersebut contohnya melanggar daripada segi peraturan yang pertama sekali contohlah. Yang paling mudah sekali, imam menggunakan kuasa sendiri sekiranya seorang penceramah datang ketempat contoh di masjidlah masjid Tebing Tinggi, Tebing Tinggi imam membenarkan sedangkan penceramah itu bukan dari pihak yang telah mendapat aaa apanya kebenaran daripada

**Fadzli: Al-Hafiz**

Imam Hassan: (batuk teruk) erkk. ok

**Fadzli: Al-hafiz ya?**

Imam Hassan: ya

**Fadzli: k [ok] selain tu? Apa lagi kategori-kategori lain?**

Imam Hassan: aa dia sebenar selain daripada hafiz dia gunanya imam contohnya imamya masjid-masjid besar umpama, imam kerajaan - kategori lain iaitu imam-imam yang ditugaskan di tempat atau di sesuatu kawasan tu. Itulah saya kata tadi ciri-ciri agama mesti dia lebih mengetahuilah daripada orang lain lah. Aa dia selain daripada berakhhlak mulia, tingkah laku baik, tidak melakukan dosa besar, dan sebagainya dan bawak [bawa] kepada khurafat dan seumpamanyalah (orang belakang bersin)

**Fadzli: ok, k dalam sesebuah organisasi masjid ataupun surau aaa berapakah jawatan yang diambil kira?**

Imam Hassan: Kalau setakat hari ini lebih kurang 15 jawatan.

**Fadzli: 15 jawatan?**

Imam Hassan: (batuk teruk) adoi (batuk teruk) batuk eh (batuk teruk) ok.

**Fadzli: ok boleh imam aa bagi jelaskan apakah jawatan-jawatan diambil kira di dalam masjid?**

Imam Hassan: ok contohnya errr pengurus masjid, timbalan pengurus, setiausaha masjid, timbalan setiusa, timbalan setiausaha (batuk) bendahari, contoh la (batuk) wakil belia (batuk teruk) adoi batuk sayalah. Wakil belia, wakil wanita dan ada dia punya biro aga, biro gotong royong, biro sukan birio keceriaan begitulah lebih kurang tu lah (batuk teruk) teruk betullah batuk ni.

**Fadzli: pause, pause, pause**

**Fadzli: ok aa soalan seterusnya, apakah jawatan yang imam pernah sandang di masjid ataupun surau-surau?**

Imam Hassan: err setakat daripada tahun 1969, saya telah dilantik yang pertama sekali setiausaha masjid, aa kemudian aa sebelum jadi [jadi] imam saya dilantik menjadik [menjadi] bilal, menjadik [menjadi] khatib, dan seterusnya menjadik [menjadi] imam lah

**Fadzli: k adakah aa jawatan yang imam sandang tu [itu] aa setiap jawatan memberi impak yang besar kepada imam?**

Imam Hassan: Memang tak [tidak] banyak sikit mesti ada. Tak [tidak] dinafikan la

**Fadzli: ok aa selama menjadik [menjadi] imam dan err menjadik [menjadi] imam di surau dan masjid aa adakah imam dibayar gaji ataupun secara sukarela?**

Imam Hassan: masa mula-mula tu memang - aa Jabatan Agama Johor kita dia bayar setahun dua kali.

**Fadzli: setahun dua kali**

Imam Hassan: ha' a masa itu err elaun dikira elaun 50 ringgit sebulan masa tu tapi bukan tiap-tiap bulan. Contohnya elaun bulan januari, bulan - nak masuk bulan- bulan april baru dapat camtulah, dikira bukan tetaplah

**Fadzli: Bukan tetaplah**

Imam Hassan: dia sebab nak jadik [jadi] imam ni memang 75 percent 75 peratus kerana lillahi ta'ala dan 25 tu kalau ada habuan. Tu saja.

**Fadzli: Ikhlas je**

Imam Hassan: Ikhlas je (berdehem)

**Fadzli: ok ok apakah kriteria-kriteria utama dalam pemilihan imam ketika im err imam menjadi imam di masjid-masjid atau surau-surau yang pernah imam sandang?**

Imam Hassan: kriteria?

**Fadzli:** haa kriteria, adakah sama seperti imam cakap tadi?

Imam Hassan: aa lebih kurang macam tu lah

**Fadzli:** sama?

Imam Hassan: sama~

**Fadzli:** Siapakah yang bertanggungjawab untuk memilih imam tersebut?

Imam Hassan: yang pertama sekali adalah melalui penggerak masjid dan surau daerah

**Fadzli:** Penggerak masjid dan surau

Imam Hassan: aaa dia melalui pihak jawatankuasa atasan iaitu penyelaras dia. Penyelaras masjid dan surau Daerah Segamat

**Fadzli:** Mengikut daerah?

Imam Hassan: ha'a

**Fadzli:** (berdehem)

Imam Hassan: (batuk)

**Fadzli: k [ok] mengenai aa mesyuarat.**

Imam Hassan: ya

**Fadzli: k bilakah waktu mesyuarat surau diadakan?**

Imam Hassan: sekurang-kurangnya tiga tahun. Eh! Setahun tiga kali atau empat kali

**Fadzli: Setahun tiga atau empat kali sahaja**

Imam Hassan: haa dia ada mesyuarat

**Fadzli: aaa – dek, dalam kebiasaananya dalam surau atau masjid, aaa berapakah jenis mesyuarat yang biasanya imam hadir?**

Imam Hassan: biasa tak [tidak], tak [tidak], tak [tidak] kurang daripada empat atau tiga

**Fadzli: Empat atau tiga**

**Fadzli: Pemilihan jawatan kuasa?**

Imam Hassan: jawatan kuasa yang telah tamat, jawatan kuasa yang akan dilantik baru mengikut caralah contoh kalau calon jawatan kuasa dilantik kadang [kadang-kadang] bila mesyuarat dia tak [tidak] datang, yang pertama. Yang kedua kadang [kadang-kadang] masjid pun dia tak nak datang, main kaedah main tangkap buat aja [sahaja] maka orang itu akan ditolak lah.

**Fadzli: Bilakah mesyuarat berikut selalu diadakan?**

Imam Hassan: Biasanya mesyuarat agung ni ada dua tahun sekali. Contohnya untuk tahun ini mungkin bulan Disember ni akan ada mesyuarat agung lah.

**Fadzli: Bagaimana pula pemilihan mesyuarat dilakukan?**

Imam Hassan: Dilakukan ahh dia memang biasa dibuat dalam masjid, dia dilantik pengerusi, kadang-kadang dijemput orang luar jadi pengerusi, bukan luar Qariah bukan contohnya penggerak masjid sekarang ni [ini] Ustaz Juman tu kan, kalau tak ada pengerusi yang dilantik semula jadi pengerusi yang ada tu [itu] lah kan

**Fadzli: Okay, adakah semua jawatan kuasa surau diwajibkan hadir?**

Imam Hassan: Memang wajib hadir

**Fadzli: Memang wajib hadir ea? Ok perlukah setiausaha surau mengeluarkan ataupun menandatangani notis memanggil mesyuarat kepada ahli?**

Imam Hassan: Peraturan memang begitu. Err sebab kadang-kadang setengah [sesetengah] tempat dia tak ikut peraturan tu [itu]. Dia main talipon-talipon [telefon] aje [sahaja]. “malam ni kita mesyuarat agong ye” dia sebenar kalau takde [tidak ada] tempat dia bukan mesyuarat kan, bungkus-bungkus je kan. Mesyuarat, takde [tidak ada] lah kenyataan, bilik mesyuarat, perkara berbangkit . kaedahnya contoh la ye.

**Fadzli: Contohnya ahh di surau Kampung Tebing Tinggi, bagaimanakah notis-notis keluaran untuk mesyuarat diadakan?**

Imam Hassan: Ahh pertama sekali kita tulis pada papan kenyataan yang kedua surat melalui setiausaha. Ahh jawatankuasa dilantik kemudian ahh diumum kepada Qariah supaya hadir mesyuarat ”sekian-sekian” hari bulan untuk diadakan mesyuarat Agung pemilihan jawatankuasa masjid bagi kampung itulah.

**Fadzli : Okay kebiasaannya berapa kali mesyuarat diadakan dalam masa seminggu?**

Imam Hassan: Ahh mesyuarat tu [itu] tak ada lah tiap-tiap minggu lah biasa tu yang saya kata tadi setelah dilantik tu kita akan buat permulaan kita panggil selepas seminggu meeting mesyuarat kita akan panggil mesyuarat yang dilantik tu untuk ahh menjalankan ingatan untuk menjalankan tugas lah. Kadang-kadang yang dilantik buat tak [tidak] tahu je [sahaja] kan, masa dia dilantik dia orang setuju, bila dah dilantik buat tak tahu, ahh ni--- salah je kan.

**Fadzli: Ok boleh, boleh imam jelaskan dengan terperinci mengenai perkara yang, perkara berbangkit yang sering diisukan?**

Imam Hassan: Yang pertama sekali masalah kewangan lah, ahh kadang-kadang dia tak [tidak], tak [tidak], memang tak [tidak] dinafikan di--- tempat, kewangan tu sebab dia teliti dengan betul lah, maksud di tu yang main bungkus-bungkus je, kadang-kadang --- ini tak ada dengan kenyataan contoh mesyuarat maulidur rasul tahun lepas tak ada dalam jawatankuasa tak ada dia bangkitkan mana dia..contoh tahun ni katakan dapat dua ribu anu kutipan rasul untuk tahun depan tak ada bentangkan itu masalah lah

**Fadzli: Ok selain kewangan?**

Imam Hassan: Selain kewangan, ini kehadiran Jemaah ke kelas-kelas tahmir. Maksud dia kurang sambutan lah tahmir disini, kebanyakannya ahli jawatankuasa yang datang, alhamdulillah Nampak, pihak wanita cukup memuaskan, pendek kata kalau dua puluh orang peserta, enam laki-laki selebihnya perempuan lah tu

**Fadzli: Nisbah dia macam tu?**

Imam Hassan: Baik apa pun, PIBG pun macam tu. Ibu bapa, bapa tak ada ibu yang ramai.

**Fadzli: Ok, selain isu-isu berikut, ada lagi isu yang sering berbangkit.**

Imam Hassan: Isu-isu berbangkit kadang-kadang ini melibatkan cerita kita orang muda nilah [inilah].

**Fadzli: Ok**

Imam Hasan: Orang nak hadir ke kelas-kelas ni [ini].

**Fadzli : Ok apakah tanggungjawab seorang bilal di masjid atau surau?**

Imam Hassan: Tugas?

**Fadzli: Tanggungjawab dan senarai tugas?**

Imam Hassan: Tugas tu [itu] kaedahnya telah diberitahu contohnya bahagian keceriaan contoh orang ni, bahagian awak, contoh kelas tahmir orang ni, bahagian membudaya Al quran, bahagian kaedahnya, semua ada, riadah, contoh lah macam tu, saya sebutkan sikit jelah [sahajalah]. (berdehem)

**Fadzli: Ok pada pendapat ust...ahh imam adakah tugas imam pada zaman sekarang lebih mencabar?**

Imam Hassan: Memang. Tugas imam pada zaman yang sudah lepas memang cukup mencabar ahh sebabnya dulu tak ada lah setakat macam ni [ini], dulu tak ada lah tahmir, tak diadakan peperiksaan, tak ada dulu memang tak ada peperiksaan imam ni, tak ada kan kaedahnya, mesti melalui ujian, bacaan, uh hafazan Al-quran dan bacaan Al-fatihah, tak ada kan? Sekarang semua nak tu [itu]. Keduanya di kelas-kelas tahmil imam dikehendaki uh memberikan satu ceramah sekiranya guru tahmil itu tidak datang, contohhlah uh.

**Fadzli: Ok. Adakah perkara berikut sedikit sebanyak membebankan imam?**

Imam Hassan: Kalau nak difikirkan, memang kalau kita bertugas Lillahita'ala memang tak [tidak] membebankan tapi [tetapi] kalau hehe(ketawa kecil) selain dari tu memang dianggap membebankan dan kaedahnya apa(berdecik) memberatkan dia la kan.

**Fadzli: Ok pada pendapat imam apakah perbezaan imam zaman dahulu dan imam zaman sekarang, apakah perbezaan yang imam nampak?**

Imam Hassan: yang pertama sekali imam jaman [zaman] dulu [dahulu] dia tidak err ditekan oleh pihak yang bertanggungjawab. buat ini, buat ini memberatkan takde, tapi sekarang telah di – dipertanggungjawabkan err maksudnya err imam, ini tugas imam - bacaan hadis contoh laa dulu takde [tidak ada]. Aa (bunyi kereta) kau kenal dia ni? Dia selalu main dengan adik dia.

**Fadzli: ok, aa seperti yang imam kata tadi, imam zaman sekarang lebih dipertanggungjawabkan, manakala imam zaman dulu adalah bebas. Pada pendapat imam, manakah yang lebih baik? Manakah yang lebih mendatang mendatangkan banyak impak dalam sosibudaya?**

Imam Hassan: errr yang pertama sekali imam di zaman-zaman dulu dan (bunyi kerusi) selalu cabaran sekeliling tidak begitu mencabar macam sekarang pendek kata, kalau zaman-zaman dulu imam-imam takde payah sangat bila kata Jemaah, penuh masjid dek orang muda apa semua kan, dulu takde television takde macam-macam la kan. Tapi sekarang, Alhamdulillah banyak kemajuan dan banyaklah percanggahan yang berlaku yang tak tak [tidak] mahu diikut laa para Jemaah atau pihak-pihak yang tak [tidak] dipertanggungjawabkan lah eah.

**Fadzli: ok, ok pada segi dana, adakah surau atau masjid di dalam Kampung Tebing Tinggi ni [ini] menerima dana yang secukupnya?**

Imam Hassan: setakat hari ni [ini], pendek kata, Alhamdulillah la tidak la menyusahkan sangat laa contohnya macam bantuan-bantuan membaiki surau aa masjid err

**Fadzli: ok, dana-dana berikutlah? Adakah disumbangkan dari segi individu?**

Imam Hassan: ini kebanyakkan daripada pihak kerajaan

**Fadzli: pihak kerajaan, contohnya apakah sumbangan yang diberi?**

Imam Hassan: contohnya sambutan nak menyambut ramadhan, kadang-kadang diorang bagi kewangan sikit laa. Untuk majlis berbuka puasa. untuk majlis kaedahnya errr nuzul khatam qur'an tadarus-tadarus al qur'an. Memang tiap-tiap tahun ada sumbangan daripada pihak kerajaan lah. Ahli parliment yang biasanya

**Fadzli: kerajaan dan ahli parliment**

Imam Hassan: ah ye

**Fadzli: Ok ok dari segi infrastruktur surau dan masjid di Kampung Tebing Tinggi, adakah dana tersebut meliputi pem pembaikan atau penambahbaikan infrastruktur masjid dan surau sini**

untuk kegunaan untuk qariah menyambut ramadhan menyambut err nuzul quran tu je lah

**Fadzli: ok selain menjadi imam, apakah jawatan lain yang imam sandang di kampung ini?**

Imam Hassan: err selain daripada itu saya sebagai seorang jurunikah je la.

**Fadzli: jurunikah. Tok kadi lah**

Imam Hassan: kemudian di ano (berdecik) mengajo [mengajar] al-qur'an. Itu malam membudayakan al-quran saya lah yang mengajar situ. Dan saya dia punya macam ketuanya lah aa. Sebab membudaya al-quran ni bila kita baca kemudian seorang bacakan dia punya maksud ayat tu kan aaa dia gilir-gilir kadang imam jadik kadang imam yang kedua atau bilal macam tu lah

**Fadzli: ok aa kita bila kita sebut pasal berkenaan aaa jurunikah ataupun tok kadi, pada tahun berapa iii imam start aaa bermula memasuki melibatkan diri dalam kursus jurunikah?**

Imam Hassan: aaa 1990

**Fadzli: 1990. 1990 lah? Ok aa bagaimana imam terpilih?**

Imam Hassan: aa melalui peperiksaan

**Fadzli: Peperiksaan juga?**

Imam Hassan: sebab yang masuk peperiksaan tu [itu] untuk Mukim Jementah je [sahaja] dah 3 orang. Tapi saya terpilih sorang [seorang]. Bila terpilih tu [itu], dipanggil pula memasuk peperiksaan khas seluruh daerah Segamat err mukim-mukim yang kursus jurunikh ni [ini] periksa di dalam beberapa tajuk atau perkara yang diwajibkan untuk jurunikh mesti luluslah. Aa itu dia

Fadzli: tu [itu] saje [sahaja]?

Imam Hassan: hm'm

Fadzli: ok aa maaf bolehkah imam bercerita serba sedikit pengalaman menjadi tok kadi di kampung ini?

Imam Hassan: Alhamdulillah setakat hari ini tidak ada masalah. Cuma sedikit-sedikit berlaku kadang-kadang keenggan wali nak jadi wali, sebab bila sebut wali ni [ini] berat kerjanya contohnya aa kadang (berdecik) wali adalah untuk mengakad nikah anaknya. kadang-kadang ada masa dia enggan nak mewalikan anak dia. masalah kewangan, masalah penceraian antara ibu dan aaa ia apa mak [emak] si perempuan dengan bapak [bapa] dah bercerai. Jadik [jadi] Alhamdulillah dapat kita selesaikanlah itu saja [sahaja] masalah lain takde [tidak ada] benda

Fadzli: itu merupakan faktor-faktor kesulitanlah?

Imam Hassan: ya

**Fadzli: yang sering, sering terjadik [terjadi]?**

Imam Hassan: ya

**Fadzli: ok berapa lamakah imam berkhidmat sebagai tok kadi?**

Imam Hassan: setakat hari ni – 90 err 20 – 25 tahun macam tu laa

**Fadzli: 25 tahun?**

Imam Hassan: ha'a

**Fadzli: Agak lama ea? K [ok] adakah imam masih bergiat aktif?**

Imam Hassan: Alhamdulillah setakat hari ni selaginya masih lagi dikehendaki tugas sayalah

**Fadzli: apakah perancangan aa tok imam dalam dalam pengurusan tok kadi untuk masa akan datang?**

Imam Hassan: aa kiranya saya dipilih saya mengikut apa yang telah diarahkan dan menjagalah sebagai seorang jurunikah --- kadi ni sebagaimana yang telah diamanahkan oleh jabatan agama dan tidak bercanggah dengan enakmen Jabatan Agama Johor lah. (berdehem)

(suara budak kecil “nak air!”)

Fadzli: ok imam aa wajarnya apa yang generasi muda sekarang pandang kebiasaannya tok kadi terdiri daripada golongan-golongan orang-orang yang dah berumur. Adakah aa adakah benda tu wajar apabila generasi muda yang melibatkan dalam ...

Imam Hassan: pada pendapat saya, kaedahnya benda ni terpulang kepada Jabatan Agama tapi [tetapi] sebaik-baiknya kalau nak diikut, biarlah orang kaedahnya yang hmmhh muda sikit laa, aa tapi [tetapi] kadang-kadang oleh sebab ini semua kadang-kadang (berdecik) ada orang yang tak berminat, kadang ada orang, macam-macam hal lah diorang ni. Agaknyalah

Julaihan: aa pastu aa ramai yang beranggapan bahawa macam contoh cara tok kadi aa nikahkan pengantin aa dia selalu macam ulang ulang ulang kan aaa masyarakat akan mengatakan yang aaa cara tu macam me – apa orang panggil – me – apa orang panggil aa menyulitkan pengantin macam mendera pengantin adakah imam setuju dengan statement tu?

Imam Hassan: haa tu [itu] saya tak [tidak] setuju, setakat hari ni [ini] bagi sayalah jurunikh di Mukim Jementah ni, (berdehem) dan saya bukan pulak [pula] saya nak membangga-banggakan diri, siapa yang bernikah di Jementah Alhamdulillah saya tiidak menyusahkan masyarakat atau menyusahkan pasangan pengantin sebab sebelum saya akad nikah, dah siap semua saya uruskan, saya Tanya ikh Tanya iklas dengan dia “adakah saya nak ajar awak ni qabulnya perlu dimakna atau tidak?” “saya mintak [minta] imam buat latihan lah” kata dia, aaa takdelah [tidak ada lah] nak sana takde [tidak ada]. Tiidak menyusahkanlah Alhamdulillah. Tapi [tetapi] kalau ada imam yang menyusah tu [itu] saya memang tak [tidak] setujulah cara itu kaedahnya memeritkan pihak pengantinlah yang datang bukan dekat-dekat, jauh-jauh kan. Dan mengeluarkan belanja berbelas belas ribu hantaran, 15 ribu, puluh ribu, 11 ribu. Tu lah.

**Fadzli:** k [ok] berkaitan dengan hantaran, pada pendapat imamlah, aa berkenaan dengan angka. Pada seperti kita tengok kita lihat zaman sekarang, sanggup menghantar berpuluhan ribu malahan beratus ribu untuk menikahi gadis pilihannya. Pada imam adakah ia wajar dilakukan untuk generasi akan datang? Ataupun sekadar kita cukup?

Imam Hassan: pada pandangan saya lah, memang tak [tidak] sepatutnya hantaran tu [itu] aa me ditinggi-tinggikan atau nak [hendak] berlawan-lawan ataupun nak [hendak] bermegah-megah nak [hendak] menunjuk nunjuk sebab apa keadaan sekarang yang pentingnya, walaupun hantaran beribu-ribu, puluh ribu, 20 ribu, pernah berlaku di Jementah hantaran 25 ribu tapi [tetapi] setakat mana kita tak [tidak] tahu lah sekarang kan. Sebab hantaran itu adalah keikhlasan dari kita. Bukan kita menerima pasangan tu [itu] untuk nak [hendak] jual anak kita kan. Kita mahukan pernikahan itu adalah muafakat kebaikan untuk dia dunia dan akhirat lah. Tak [tidak] sepatutnya hantaran tinggi-tinggi tu [itu]! Ehem tu [itu] dia

**Fadzli:** k [ok] bila kita sebut hantaran tinggi, kebanyakkan ibu bapa pada gadis yang bakal dinikahi tu [itu] menaikkan sendiri amaun ataupun harga mengikut kelayakkan diploma, degree, master ataupun PhD, setiap kelayakkan tu [itu] kenaikkan dia berbeza-beza contohnya diploma selalunya orang anggaran dalam 5000, degree 10,000, master 15,000 dan PhD 20,000 dan seterusnya. Adakah itu merupakan satu aspek yang menjadik halangan kepada pengantin lelaki dan sanggup berhutang semata-mata untuk menikahi?

Imam Hassan: contohnya itulah, apabila dah [sudah] berlaku perkara macam itu memang diantaranya bila nak [hendak] menyelesaikan masalah, duit dah [sudah] takde [tidak ada] kena berhutang. Kalau berhutang cara yang diredhai takpe [tidak mengapa] kadang [kadang-kadang] pinjam along kan. Tu [itu] yang menyebabkan saya kata hantaran ni [ini] biarlah berpada-pada jangan menyusahkan bagi mereka yang nak [hendak] menempuh

kehidupan baru kata kan. Sampai masa, rumah tangga huru hara, kacau bilau ya, biarlah berpada-pada pada pandangan saya tak [tidak] sepatutnya hantaran tinggi-tinggi ya. Tetapi kalau kedua [kedua dua] dah [sudah] bersetuju, tak [tidak ada] masalah laa. Haa. Eh minum air laa. Haa

(ketawa)

**Fadzli: janji takde [tidak ada] halangan la, dan sah menjadi suami isteri. Ok ustaz ok, berbalik kepada aa akad nikah adakah akad nikah merupakan satu acara paling penting dalam perkahwinan masyarakat melayu?**

Imam Hassan: memang, akadlah, akad nikahlah untuk mengesahkan seorang hamba islam itu menjadi suami dan boleh dipanggil suami isteri. Melalui akad nikahlah, sebab bila akad nikah tu [itu] barulah dinamakan dia berkahwin, sebab bila disebut akad, mesti disebut “aku nikah aku kahwinkan dikau” macam tu [itu] lah maksud dia, bila sebut, bila sebut “uzauyu ka ‘alaa ma amirallah hubibi min insakin bi ma’rufin au tasriim bi insan” contohnya “Muhammad bin Kassim, aku nikah aku kahwinkan dikau dengan Fatimah binti Abdullah yang berwakil wali bapa benar dengan mas kahwinnya 50 ringgit tunai” aa macam tu [itu] (berdehem)

**Fadzli: ok, bilakah upacara akad nikah ini diadakan?**

Imam Hassan: err biasanya itu terpulang kepada pihak pengantinlah. Maksud dia kalau contohnya pernikahan tu [itu] dijalankan sebelah pagi sebelum berlangsung atau sebelah asar waktu asar langsung pada hari yang telah ditetapkan macam tu [itu] lah contohnya

**Julaihan: aa pernah tak [tidak] apa imam macam, aa clash waktu untuk apa untuk menikahkan orang macam**

**Fadzli: pertembungan**

**Julaihan: aa pertem pertembungan dengan. Macam mana aa imam imam aa menguruskan masa?**

Imam Hassan: saya bila pertembungan macam tu [itu] sebab sekarang urusan akad nikah online terus kan. Aa kadang [kadang-kadang] contoh 22 haribulan saya hendak pukul 10 pagi saya hendak apa. Siapa yang dulu [dahulu], orang tu [itu] saya dulukan [dahulukan]. Beritahu awal-awal pengantin sebab awak nak [hendak] nikah kena awal-awal beritahu saya.

(budak marah adiknya kerana jajan bersepah)

**Julaihan: kira kena tempah dulu laa?**

Imam Hassan: haaa dia dah

**Fadzli: booking dulu la ya?**

Imam Hassan: contoh yang 31 ni. 31 Batu Tujuh Jalan Muar, 31 Kampung Tebing Tinggi. Yang dulu [dahulu] dialah pukul 8 setengah dia ambik saya

**Julaihan: kebiasaan dia tempah pakai telefon kan?**

Imam Hassan: tak [tidak], dia datang rumah

**Julaihan: datang rumah?**

Imam Hassan: dia hantar hantar sijil nikah sekali

**Julaihan dan Fadzli: oooo ya**

Imam Hassan: adalah bukti yang saya dah [sudah] pegang tu kan.

**Fadzli: mengikut pengalaman ustaz err imam, pernahkah imam mengalami situasi sepertimana aa bertembungnya aaa akad, bertembungnya akad nikah ni, tanpa imam sedar waktu yang sama?**

Imam Hassan: baru berlaku, - pukul 9 saya nikahkan kakak dia, pukul 11 nikahkan adik dia.

**Fadzli: ah oo (ketawa)**

Imam Hassan: (ketawa)

**Fadzli: sekalilah?**

Imam Hassan: sekali

**Fadzli: sekali harung. Adakah pengalaman berikut memberi satu (berdecik) kelainan bagi imam?**

Imam Hassan: pada saya, tak [tidak] takde [tidak ada] kelainan tapi [tetapi] tak [tidak] pernah, jarang berlaku lah (ketawa)

**Fadzli: jarang berlaku**

Imam Hassan: haa dalam sejarah saya lah, start saya jadi jurunukah 25 tahun ni lah berlaku sekali di Taman err Harmoni Jementah. Taman Harmoni

**Fadzli: harmoni ya**

Imam Hassan: (berdehem) nikah pukul 9 kakak, 11 adik.

**Fadzli: ohoo sekali harung ea?**

Imam Hassan: ya

**Fadzli: ok, err apakah upacara lain yang diadakan selepas upacara akad nikah?**

Imam Hassan: err biasa kita adakan aa suai kenal dengan ibu bapa, ertinya penyerahan tanggungjawab, penyerahan mas kahwin, penye, peng, penyerahan apa yang dibawa oleh

pihak lelaki tadi kan. Haa yang keduanya, aa seb seb selepas akad nikah, pengantin laki-laki aa walaupun jaranglah dibuat orang, tapi biasanya memang kita suruh diorang lepas akad nikah dia pergi sujud syukur dululah. Sujud syukur ni [ini] maksud dia, dia telah selamat diakad nikahkan dan lepas [selepas] tu [itu] barulah apa yang dia nak [hendak] buat nak [hendak] masukkan cincin itu semuakan, sebab itu disudahi dengan selawat beramai-ramai dan ucapan selamat berpisah laa.

**Fadzli: Selamat berpisah?**

**Julaihan: ok untuk aa sujud syukur ni kan, adakah dia wajib dilakukan ataupun sunat?**

Imam Hassan: sunat

**Fadzli: ok err apakah peralatan yang biasanya digunakan untuk upacara ini?**

Imam Hassan: apa tu [itu]?

**Fadzli: upacara peralatan yang digunakan untuk upacara akad nikah.**

Imam Hassan: yang pertama sekali dia ada macam, dia punya – peralatan-peralatan khas yang telah dicontohi daripada jabatan agama kepada pihak pengantin lelaki dan perempuan yang ada. Contohnya bacaan mas kahwin, penyerahan derma kahwin, penyerahan ta’liq, err penyerahan tanggungjawab, kemudian pesanan ibu kepada ibu bapa err pada [kepada] anak yang dinikahkan, dan ucapan selamat berpisah ada tu [itu]. Tapi [tetapi] sekarang diorang tak [tidak] mahu lagi lah kurang dah [sudah] qoudul sakinhah ni [ini]. Dia kata membosankan ya, terlampau lama kadang-kadang, contohnya nikah pukul 10 pagi kan,

dengar --- ada pulak yang menangis-nangis pulak kadang-kadang kan. Dah dia tak [tidak] setuju lah kan. Al-fadhil kata pun imam, jangan paksa orang (berdehem). Siapa yang nak [hendak] buat, buat. Tak [tidak] buat, tak payah [tidak perlu] buat. err sebab ini bukannya wajib. Ini arahan dulu masa Menteri Besar Johor masa Tuan Haji Abdul Ghani Othman dulu.

**Fadzli: dia terpulanglah kepada ibu bapa?**

Imam Hassan: kalau dia nak [hendak] buat, buat. Tapi [tetapi] kebanyakkan yang tak nak [tidak mahu] buat sekarang.

**Julaihan: untuk aa penyerahan tanggungjawab tu [itu] kan, dia ada prosedur dia tertentu?**

Imam Hassan: ada

**Julaihan: macam mana prosedur dia?**

Imam Hassan: Prosedur tu, dia ada bacaan khas dia la. contohnya "adalah saya Muhammad bin Kassim, err ayah kepada nama ni, dengan ini menyerahkan tanggungjawab anak saya kepada awak, siapa menantu tu, jagalah dia dengan baik, berilah pelajaran agama secukupnya" sampailah ke akhir lah.

**Fadzli: ok imam, ok kita aa teruskan kepada soalan lazim yang biasanya ditanya oleh imam kepada pengantin lelaki?**

Imam Hassan: err setakat hari ni [ini] takde [tidak ada] banyak soalan lah, sebab apabila seorang yang (berdehem) nak diakad nikahkan selain daripada kita suruh dia beristighfar, kalimah syahadah 3 kali, dan kita Tanya dia sama ada boleh menjawab soalan saya ni err -- hijab saya ni [ini], boleh imam, saya tak [tidak] pernah salah laa. Boleh tak [tidak] tolong ajar saya haa tu [itu] saja [sahaja]. Sebenar imam tidak digalakki [digalakkan] menanya [bertanya] yang bukan-bukan kadang-kadang Tanya tu [itu] Tanya ni [ini] salah pada pada [kepada] (berdecik) pendapat macam pihak jabatan la kan. Dato' mufti sendiri pun pernah timbalan mufti pun pernah menikahkan mukim jementah dulu [dahulu] "tak payah [tidak perlu] imam, tak payah [tidak perlu] imam" kata dia. Ringkas, lagi ringkas daripada imam.

**Fadzli:** ok kebiasaan aa perkara-perkara berikut menjadi trend ataupun err orang kata kelakuan kebiasaan yang dilakukan oleh imam terhadap pengantin lelaki seperti yang selalunya kami lihat di video-video yang berada di medan sosial err kebiasaan imam menanyakan soalan-soalan yang lucu kepada pengantin lelaki yang membuat membuatkan semua orang yang berada di masjid atau surau berikut tertawa.

Imam Hassan: itu, soalan yang macam tu [itu] tidaklah kaedahnya (berdecik) pada saya tidak lah saya setujui. Cuma kadang-kadang setengah-setengah [sesetengah] tempat tu [itu], berlaku imam-imam atau jurunikah tu [itu] dia pandai pulak [pula] kaedahnya dia nak [hendak] menghiburkan hati pengantin tu [itu]. Dia boleh berpantun. aaa tu [itu] yang kadang-kadang bukan lucu apa, dia lucu berpantun tu [itu] lah. Jadik [jadi] orang semua terhiburlah kan.

**Fadzli:** ia merupakan satu hiburan saja [sahaja] lah?

Imam Hassan: hiburan haa.

**Fadzli:** ok imam, ahaa maaf kalau kami bertanya, aa apakah perkara yang paling lucu berlaku semasa sepanjang menikahkan pasangan pengantin?

Imam Hassan: yang paling lucu sekali, kadang-kadang pernah berlaku, pengantin dia tak [tidak] sabar-sabar terus masuk pelamin pun ada, aa terus dia masuk ke dalam (ketawa). -- - berborak sangat la kan

**Fadzli:** (ketawa) itu merupakan salah satu perkaralah? Ok sepertimana yang saya dan aaa rakan saya, Julaihan pernah pernah menonton video dimana ketika aa juru juru aa jurunikah tu sendiri menikahkan pengantin lelaki dan pengantin lelaki terus terus aa menyebut “sah!” dan menyebabkan semua orang dalam tu ketawa. Adakah apa kesilapan yang berlaku disitu? Adakah kurangnya praktik?

Imam Hassan: Yang pertama sekali, kadang-kadang oleh sebab aa orang kata teringat ingat sangat nak kahwin ni [ini] (ketawa). Sampai dia tak [tidak] pikirkan [fikirkan], dua saksi akad yang ada yang mengatakan sah, dia dah sah dulu [dahulu]. Jadik [jadi] kadang-kadang itu bukan disengajakan.

**Fadzli:** itu orang kata hanya tersalah laa.

**Julaihan:** dalam apa dalam kita menjawab soalan tok kadi apa, lafaz tok kadi tu, aa dia mesti diwajibkan untuk melengkapkan ayat yang diminta oleh tok kadi?

Imam Hassan: dia penghabis sekali akhirnya sekali kira telah di ajar tak [tidak] boleh buat juga banyak berlaku pada diri saya dah [sudah] banyak kali berlaku kadang-kadang pengantin selain daripada gagap, dia memang dah [sudah] tak [tidak] masuk lagi ntah [entah] macam mana wallahu alam tu [itu] semua kehendak allahi ta’ala. Kita ajar ni [ini] tak [tidak] boleh ajar ni [ini]. Kita ada yang paling senang. Paling mudah sekali. Err tak

payah [tidak perlu] disebut nama tak payah [tidak perlu] sebut apa tak payah [tidak perlu] lah sebut contohnya “Aku terima nikah Maimunah binti Ali dengan mas kahwinnya 500 ringgit tunai ataupun 25 ringgit setengah tunai” tak payah [tidak perlu]. Itu pun tak [tidak] boleh baca. Pengabis sekali dia boleh baca. “aku terima nikahnya yang tersebut” habis.

### **Julaihan: oo supaya tidak membebankan**

Imam Hassan: haaaa! Banyak berlaku, berlaku di Jementah banyak kali. Yang gagap pun begitu juga. Gagap. “ha ha, ha, ha ha haku” kata dia. Itu terpulang pada saksi akad tu [itu].

### **Fadzli: sing kalau err sehingga jurunikah tu [itu] sendiri mengeluarkan kata sah baru dia sah?**

Imam Hassan: haa imam 2 orang saksi akad dua-dua orang sebelah imam tu [itu].

### **Fadzli: ok ok ok**

Imam Hassan: bila dia dua orang tu [itu] setuju, betul dia dengar betul, sahlah. Sah sampai 2 jam pun ada berlaku. Haa. Pernah nikah di rumah ni [ini] sampai hujan ribut turun tak taulah [tidak tahu] diorang ni [ini] ada main ilmu tu [itu] tak tau [tidak tahu] la kan (berdehem)

### **Fadzli: ok mengenai kursus nikah, aaa apakah ilmu ataupun aa orang kata err partisyen yang dilakukan semasa kursus berikut?**

Imam Hassan: yang pertama sekali, kitalah sekurang-kurangnya ilmu adalah banyak sikit [sedikit] kita mesti ada ilmu agamalah, maksud dia ilmu sebagai seorang lelaki atau perempuan yang ingin berumah tangga, dia mesti tahu lah tanggungjawab-tanggungjawab dia. Dia mesti tau [tahu] sebanyak sikit [sedikit] daripada hukum-hukum yang melibatkan dia berbaik semula atau boleh berpisah dengan sebab perkataan-perkataan yang telah ditetapkan hukum syarak. Kadang-kadang dalam kursus kahwin dia dengar tu [itu]. Tapi [tetapi] bila [apabila] balik ke rumah dia lupa, cerai-cerai ni [ini] sebab perkataan cerai ni [ini] banyak melibatkan kita tak faham. Contohnya kalau cerai cerai ta'lik ni [ini] kita fahamlah, kalau kalau lafaz qinayah ni [ini] emm qinayah. Qinayah ni [ini] macam sindir. Kalau ta'liq kita faham contoh lafaz ta'liq. Kita bergaduh-gaduh dengan isteri kita. "Minah, awak kalau turun tanah hari ini pun jatuh talak". Tiba-tiba Minah turun, jatuh talak. Haa jatuh talak satu. Kalau dia tak [tidak] turun tak [tidak]. Ataupun, "Minah, saya balik ni [ini] karang [nanti] kalau tak [tidak] buat sambal belacan, jatuh talak satu kita". Tiba-tiba tak [tidak] buat, jatuh talak.

#### **Fadzli: walaupun ia sekadar aaa gurauan?**

Imam Hassan: aaa yang itu, salih ni [ini] kaedahnya, tak [tidak] berserta dengan niat. Kalau, aaa kaedahnya walau tak [tidak] ada niat nak [hendak] cerai, contoh "ku [aku] ceraikan kau [kamu]" takde [tidak ada] niat, takde [tidak ada] niat nak cerai. Contoh lambat buat air "ku [aku] ceraikan kau [kamu]" jatuh. Ada berlaku di Jementah. aaa 10 15 tahun yang lepas

#### **Fadzli: Jika benda itu sudah berlaku tanpa kedua-dua sedar, apa yang wajar mereka lakukan?**

Imam Hassan: Alhamdulillah yang telah lalu (berdehem) bila berlaku macam tu [itu] bila suami tak [tidak] sedar, isterinya sedar. Kita mesti rujuk Jabatan Agama. Sebab dulu rujuk-rujuk agama err dulu rujuk dengan imam, sekarang tak [tidak] boleh lagi nak [hendak]

pergi Pejabat Agama rujuk. Tu [itu] sebab pada hukum, pada enakmen sekarang Johor dan seluruh Negara sama. Pabila [apabila] kamu menceraikan isteri kamu luar daripada mahkamah, pain 1000, atau 6 bulan penjara. Sebab bila [apabila] kamu nak [hendak] menceraikan isteri kamu mesti minta kaunseling Pejabat agama aaa kemudian apabila tak [tidak] boleh nak [hendak] kaunseling lagi, barulah jatuhkan talak, panggil bicara dalam mahkamah jatuh talak. Kalau kamu jatuh talak suka-suka hati, itu yang kena pain tu. Emm tu [itu] dia.

**Julaihan:** ok aa berdasarkan pengalaman saya kan, saya pernah pergi kat [ke] satu tempat, dekat tempat tu [itu] macam apa selalu dengar laa aa orang ni [ini] janda muda. Adakah apa kejadian ni [ini] berpunca daripada kurangnya ilmu tentang perkahwinan ataupun tentang agama?

Imam Hassan: Biasa bila kadang-kadang benda ni [ini] bukan berpunca daripada kurang ilmu, ada ilmu tetapi ada ilmu tidak di digunakanafaatkan [dimanfaatkan], kan kau [kamu] tau [tahu] hukumnya haram perkataan ni [ini] tak [tidak] boleh buat aa sebab ilmu tak [tidak] beramal tak [tidak] guna juga walaupun awak ni [ini] sebelah Mesir belajar tapi [tetapi] balik tak [tidak] sembahyang, takde [tidak ada] makna kan? Aa tapi [tetapi] kebanyakkan memanglah kurang ilmu lah, kurang apa, praktik dalam (berdecik) bab rumah tangga ni [ini] kan, dia main suka-suka gitu [begitu] je [sahaja]. Kadang [kadang-kadang] gi [pergi] tempat lain dia nak [hendak] kawin [kahwin] orang lain pulak haa tu [itu] banyak. Tu [itu] yang lari ke Thailand selalu tu [itu] (berdehem)

**Fadzli:** itu salah individu berikutlah? Ok (berdehem) ok seingat imam, berapa banyakkah pasangan yang telah imam nikahkan?

Imam Hassan: setakat hari ni [ini] saya ingat, (ketawa) k [ok] saya ambik [ambil] contoh laa err sebulan tak [tidak] lari daripada sepuluh orang la di Jementah ni

**Fadzli: sepuluh orang di Jementah sahaja?**

Imam Hassan: Mukim Jementah laa, saya jaga Mukim Jementah. Sebulan sepuluh orang laa. Kiralah setahun tu [itu] berapa tu [itu] lebih kurang. Dulu, kurang orang nikah sekarang, dah menjadi-jadi. Err dulu (berdecik) tak [tidak] sampai (ketawa)

**Julaihan: Kirakan zaman sekarang laa apa banyak pernikahan?**

Imam Hassan: haa banyak pernikahan

**Fadzli: adakah perkara berikut err orang kata bagus?**

Imam Hassan: Alhamdulillah sebab nikah itu memang disuruh sunnah. Sunnah Rasulullah “annikahu sunnati kamal ya’mal bi sunnati alaihi saminni” maksudnya “nikah kahwin itu satu peraturan agamaku” kata Rasulullah kan “maka barangsiapa yang membencikan peraturan agamaku, bukanlah kau [kamu] benar-benar umatku” kata dia.

**Fadzli: orait, adakah imam terima bayaran sepanjang sebagai Tok Kadi?**

Imam Hassan: Bayaran apa itu?

**Fadzli: bayaran...**

Imam Hassan: Selama Tok Kadi ni [ini] dia bayaran takde [tidak ada] cuma upah nikah saja [sahaja] lah

**Fadzli: upah nikah saja [sahaja]? Kira memang setiap...**

Imam Hassan: haa setiap nikah adalah dia punya upah nikah dan saksi-saksi akad tu [itu] ada .

**Fadzli: sebagai tanda berterima kasih**

Imam Hassan: haaa berterima kasih pada [kepada] pihak yang telah dipertanggungjawabkan lah. Dan akad nikah dia punya saksi tu [itu]. Tidaklah membebankan sebab telah ditetapkan oleh Jabatan Agama Johor seluruh Negeri Johor macam ni [ini], tapi [tetapi] negeri lain saya tak [tidak] tahu. Kalau Negeri Sembilan kang [nanti] lain.ada pulak duit masaujid [masjid] dia berapa la kata dia. macam-macam la kan? Jadik kalau kita nak nikah anak dara tu dekat sampai 300. Lagipun nak hantaran nikah orang ni [ini] pergi Sembilan Negeri Sembilan 290 ringgit sebab dia masjid.

**Fadzli: dia ikut bayaran ditetapkan**

Imam Hassan: lain padang lain belalang la kan. Melaka saya tak tau [tidak tahu] lah (berdehem)

**Julaihan: oo upahnya ditetapkan mengikut lain ikut negeri lah?**

Imam Hassan: haa ikut enakmen tak [tidak] sama. Tapi [tetapi] sebab mas kahwin tak [tidak] sama. Yang sama Johor dengan Pahang 22 ringgit setengah, yang lain semua dah [sudah] naik. Selangor dulu 80 sekarang 300. Melaka saya ingat 40 ea? Mas kahwin? Lebih kurang la. Perak 101 ringgit aa Kedah Kelantan dia ikut hantaran, kalau hantaran 25,000, mas kahwin 25,000. Macam tu.

**Fadzli: hohh, itu --- upah err kos perbelanjaan nikah, aa difaktorkan mengenai ekonomi ok. Ok, boleh saya Tanya imam, adakah tugas Tok Kadi di Johor ini berlainan dengan negeri lain?**

Imam Hassan: setakat hari ini dia punya dari segi enakmen tak [tidak] berapa bertentangan, Cuma itulah perbezaan dia dia punya segi adat istiadat melayulah contoh dari segi mas kahwinlah tak [tidak] sama kan. Yang ini adat istiadat melayu (berdehem)

**Fadzli: Ok, boleh saya tanya imam adakah tugas tok kadi di johor ini berlainan dengan negeri lain?**

Imam Hassan: Setakat hari ni [ini], dari segi enakmen tak [tidak] berapa bertentangan cuma perbezaannya dari segi adat istiadat melayu itulah contoh dari segi mas kahwin itu lah, tak samakan?

**Fadzli: Mengikut adat?**

Imam Hassan: Ah'ah [betul]

**Fadzli:** Adakah imam mempunyai rakan ataupun bekas bekas kenalan yang bertugas sebagai juru nikah ataupun tok kadi?

Imam Hassan: Contohnya?

**Fadzli:** Contohnya yang berada di negeri negeri lain?

Imam Hassan: Ada

**Fadzli:** Ada?

Imam Hassan: Ya

**Fadzli:** Adakah penglibatan mereka sama dengan imam

Imam Hassan: Memang daripada segi imbuhan tu [itu] tak [tidak] sama, contoh akad nikah, mas kahwin tak [tidak] sama.

**Julaihan:** Ok [baik], apa pula pendapat imam tentang nikah cara melayu atau nikah secara islam, contoh nikah cara melayu ni [ini] dia kena ada duit kalau nikah cara islam ni [ini] dia ringkas pun tak apa [tidak apa], apa pendapat imam?

Imam Hassan: Daripada segi hukum islam di atas kemampuan lah, yang pertama, yang kedua persetujuan antara dua (2) pihak, kadang kadang mati-mati [bersungguh] dia mesti

nak [mahu] hantaran, mesti nak [mahu] buat tak [tidak] banyak sedikit majlis lah kan. Sedang pada hukumya yang wajib adalah akad nikah yang lain itu semua remeh temeh saja lah, “kau bawa pun boleh tak bawa pun tak apa” tapi oleh sebab dah jadi adat, ape [apa] pula orang kata “aku buat kau tak buat” tak [tidak] malu ke [kah] ahh contohlah..hmmm (termenung)

**Fadzli: Bak pepatah orang dahulu kata iaitu...**

Imam Hassan: “Biar mati anak menjadi adat” ahh..

**Fadzli: yess [baik]...Islam itu mudah, tapi melayu itu yang sukar hmmm okay [baik]..alright [baik]..ahhh seperti imam cakap tadi kemungkinan tok kadi di negeri Johor ni [ini] dan dari negeri lain berlainan. Mengikut imam boleh imam jelaskan apa perbezaannya?**

Imam Hassan: Contoh?

**Fadzli: Contohnya aaah dari segi ahhh perlaksanaan?**

Imam Hassan: Ahh perlaksanaannya tulah [itu lah] yang jadikan ada perbezaan ahh perbezaan mas kahwin dan perbezaan upah nikah dan saksinya dan lain-lain bayaran yang telah ditetapkan oleh negeri masing-masing contohnya kalau kita nikah di contohlah di Melaka ke [kah] di mana saya pernah pergi, bila nikah di masjid ada pula sumbangan masjid termasuk tabung masjid...

**Fadzli: Diwajibkan?**

Imam Hassan: Ahhh itu dah keputusan jawatankuasa qariah disitu “kau gunakan masjid ni, masuk tabung rm50 ringgit” tak salah, saya ingat lagi Bukit Senggih ke mana..di Johor ada buat juga..

**Fadzli: Di Johor?**

Imam Hassan: Ahaa bila nikah masjid masuk 50 ringgit hmm (berfikir)..

**Fadzli: Ahhh..**

Imam Hassan: Apadalah...kan[bukan] bagus masjid tak payah ber---?? duit pulak kan [bukan]..tapi apa nak buat nak, pasal [sebab] ahli jawatankuasa nak, inilah untuk kebaikan umat islam juga hmm (berfikir)

**Fadzli: Ye umat Islam..Pada pendapat imam adakah itu wajar dilakukan ataupun ini...**

Imam Hassan: Pada saya tak [tidak] wajar dilakukan lah kan [bukan], kadang-kadang jadi rungutan.

**Fadzli: Ya memang betul...**

Imam Hassan: Pasal apa [kenapa] masjid ni [ini] orang nak nikah kena [harus] bayar haa tuu..(burung berkicau)

**Fadzli:** Hmmm okay okay [baiklah]..ok [baik] tok imam mengikut pengalaman tok imam sebagai juru nikah ataupun tok kadi, pernahkah imam menikahkan pasangan yang bukan berasal dari johor?

Imam Hassan: Banyak

**Fadzli:** Banyak? Boleh bagi contoh?

Imam Hassan: Contoh saya pernah nikahkan orang Sabah, nikahkan orang Sarawak, menikahkan orang Singapura..ahh tu [itu] yang jauh lah..lain Kedah, Perak, Kelantan, biasalah Terengganu biasaa..hmmm (berfikir) yang luar-luar [jauh] tu [itu] Sabah, Sarawak ehhh Singapore ehhh itu hari yangg orang Riyadh Mesir sana..

**Fadzli:** Mesir??

Imam Hassan: hmmm die orang sini tapi [tetapi] belajar dan bekerja disana, balik nikah di sini..

**Fadzli:** Ohh dia nikah disini ehh..ahh memang ahh tok imam utamakan orang ahh orang jementah?

Imam Hassan: Orang jementah hmm yang laki-laki [lelaki] nya, perempuanya orang Jementah tapi bekerja di Riyadh Mesir sana..

**Fadzli:** Hmm okay [baik]..pernahkah Iman menikahi pasangan yang berlainan..asalnya berlainan agama tapi [tetapi] sudah dimasukkan islam, dia sudah masuk Islam?

Imam Hassan: Ahh banyak...

**Fadzli:** Okayy [baiklah]..bolehh..?

Imam Hassan: Sabah satu (1), Sarawak..semua dah [sudah]..dalam tiga empat (3,4) orang dan (sudah) pernah saya memasukkan Islam ada lagi di jementah kekal lagi sampai sekarang, dia bangsa kadaaa (berfikir)..Kadazan ke ape (tidak ingat)...orang Kadazan (batuk).

**Fadzli:** Okay [baik], merujuk kepada perkara iaitu ahhh menarik ahh orang bukan islam memasuki islam, masuk agama kita sendiri, bagaimakah imam lakukan?

Imam Hassan: Sebelum saya jalankan akad nikah saya beri dia kaunseling lebih kurang 10 minit lah..

**Fadzli:** Ehemm (menganguk)

Imam Hassan: Sebab bila menempuh akad nikah,nak [hendak] menjadi seorang suami isteri melalui islam ni [ini] bukanlah “suka suka hati” [mudah], bukanlah masuk agama islam kerana nak [mahu] kahwin, bukanlah masuk agama islam kerana “orang ni [ini] gaji dia besar”, bukan situ [itu]..bukan jelas jelaslah..kena ingat tuh [itu], alhamduillah setakat hari ni [ini] belum ada lagi yang bercerai-berai kan [berpisah], yang masuk islam itu kaedahnya Sabah dari Sarawak sampai sekarang kekal.

**Fadzli:** Alhamdulillah lah

Imam Hassan: Ya Alhamdulillah

**Julaihan:** Adakah itu satu cabaran bagi imam?

Imam Hassan: Ini cabaran juga sebab kadang-kadang maklumlah ajalah [sajalah] orang nak nikah ni [ini] kadang-kadang dia suka suka hati gitu jekan [macam itu].

**Fadzli:** Ahaa [betul]

Imam Hassan:Haaa..(bunyi cawan)

**Fadzli:** Ok [baik] imam..ahhh semasa penglibatan imam menjadi imam di kampung ataupun juru nikah. Pernahkah imam melibatkan diri dalam apa-apa kursus sepanjang penglibatan berikut?

Imam Hassan: Contoh?

**Fadzli:** Ahhh melibati kursus ahh juru nikah ataupun kursus pemilihan imam?

Imam Hassan: Ada

**Fadzli:** Ada...boleh imam senaraikan?

Imam Hassan: Contohnya kursus pertama kursus sebelum saya dipilih menjadi imam saya telah dijemput hadir satu (1) kursus kepimpinan secara islamlah untuk menjadi imam di kampung-kampung samada masjid/surau. Yang kedua pemilihan juru nikah, ciri-ciri dia saya pun telah mengikut satu kursus di pejabat agama Segamat walaupun dah banyak tahun ni [ini] kan [bukan] tapi saya masih ingat lagilah tahun 1989, 1988 dah dua tiga (2,3) kali saya pergilah..itu dia..

**Julaihan: ahh untuk jadi juru nikah ni [ini] dia ada ke [kah] dia punya ujian bertulis macam jadi...**

Imam Hassan: Memang..

**Julaihan: Memang ada?**

Imam Hassan: Jadi juru nikah selain daripada bacaan lisan dan soalan-soalan yang melibatkan hukum agama contoh bab wali, talak , bab edah, rujuk, cara lisan soal contoh “berapa hukum talak”?? “Berapa ada talak”?? Sikit-sikit jela [saja]..dan “apa itu edah”?, dia tanya lah..”kalau edah mati suami, berapa lama boleh kahwin”, semua nak tahu sikit-sikit jela [sajalah], haa itu bahagian lisan..bertulis die bertulis pula ada soalan macam awak beri itu kan, contohnya semua adakan, contoh hukum talak ini ini ini kita tinggal tanda saja, haa macam periksa sekolah pagi juga saya ingat, lebih kurang..

**Julaihan: Kiranya perlu mendalami lebih lagilah hukum agama**

Imam Hassan: Haa memang..memang memang..walaupun soalan tu [itu] dia bukan ambil yang tinggi-tinggi yang benar-benar saja, oleh sebab umur “kita” dah lanjut kadang boleh

lupa tapi [tetapi] bila nak [mahu] letak jawatan tak [tidak] boleh..(“awak boleh pakai lagi”)  
itu yang kalo [kalau] saya mudah lupa ---

**Fadzli:** Ok [baik]..sepanjang aaa imam menjadi imam ataupun tok kadi, pada pendapat imam aspek mana yang paling mencabar antara kedua-dua tugas tersebut. Pilihan mana yang ustaz rasa paling mencabar, paling memberi banyak cabaranlah..

Imam Hassan: Yang paling banyak memberi cabaran pada sayalah jawatan juru nikahlah.

**Fadzli:** Juru nikah..hmmm

Imam Hassan: Hmmm

**Fadzli:** Boleh imam jelaskan sebabnya?

Imam Hassan: Haaa yang pertama sekali kadang-kadang--- yang telah dipertanggungjawab sebagai wali..dia tidak mengikut apa yang dikaning [disyaratkan] pada hukum syarak, contohlah sebab nak [mahu] jadi wali ni [ini] saksinya memang syaratnya cukup ketat, ikut edahnya berat kalau diikut-ikutkan tapi [tetapi] oleh sebab kita dah [sudah] dilantik jadi juru nikah, kadang-kadang wali itu kita suruh dia mengucap, dia tak [tidak] mahu, dia nak [mahu] mewakilkan kita itu kan, nak minta izin anak dia (ucapkan cik)... dia buat tak [tidak] tahu..payah [susah], kita pulak beramai-ramai ajak berucap beramai-ramaikan, itu cabaran dia,memang cabaran..( gangguan suara budak kecil)

**Fadzli:** Itu merupakan cabaran?

Imam Hassan: Cabaran..betul-betul gaya(berdecik) Allahhuakhbar..

**Fadzli: Ok [baik]. Jika dibandingkan ahhh apabila imam ahh menyertai melibatkan diri dengan persatuan-persatuan di kampung ini seperti juru nikah dan ahh imam di kampung, adakah imam dapat penambahbaikan dari segi ilmu ataupun pelaksanaan?**

Imam Hassan: Apa, ehehemmm(batuk) hadiri kursus dan telah bertugas yang telah diamanahkan oleh pihak jabatan agama dan kerajaan negeri Johor barulah saya fikir ini satu ilmu ataupun pengalaman saya dapat ahhh saya apa(berfikir), alami dalam hidup saya lah dan saya bukanlah kalau dulu-dulu orang kata “ajar orang ni senang sekarang bukan main-main”, kalau dulu tak [tidak] adalah macam ni [ini], dulu takada [tidak ada] kursus apa-apa, takda[tidak ada] periksa bertulis, dulu takdaaa [tidak ada]..kalau periksa tulah [itulah] sekali je[saja], sampailah mati..hahaa (ketawa kecil) takada [tidak ada] periksa lagi, sekarang tiga (3)tahun periksa, tiga (3) tahun periksa..

**Fadzli: (bunyi ayam dan burung) hmm..impak positif dia adalah imam dapat menguasailah..**

Imam Hassan: Ya..in sha allah

**Fadzli: ... (sambung) ilmu berikut dari semasa ke semasa?**

Imam Hassan: ya lah in sha allah...

**Fadzli: In sha allah..okay [baik]**

**Julaihan: Ini sekarang aaa kalau menjadi tok kadi dia perlu mendapat kelulusan daripada jabatan agama islam Johor?**

Imam Hassan: Memang dia memang kaedahnya..jabatan agamalah..melalui kadi besar Johor hmm..

**Julaihan: Sejak daripada dulu lah..daripada...**

Imam Hassan: Memang dan tuliah tu Tuanku sign [tandatangan]..

**Julaihan: Ouhhh Tuanku sign [tandatangan]**

Imam Hassan: Itu yang besar tu (itu)..tulah Tunku sign [tandatangan] (sambil menunjuk frame di sudut dinding rumah)..Dr. Iskandar tu [itu] dah [sudah] naik kadi tuu [itu]..

**Julaihan&Fadzli: ahhhhh (sambil melihat ke arah frame)...**

Imam Hassan: Tuliah tu tuanku----.pada kita..akan datang ni [ini] dia tak beri satulah itu untuk yang lama, asal tu [itu] lah, yang dia beri tauliah kecil aje [saja]..ahemmm..

**Julaihan: Hmm.aa...dekat kampung ni [ini] adakah dia amalkan sistem tabliq untuk membantu dalam kerja-kerja imam?**

Imam Hassan: Ada, contohnya katalah bilal saya kan ahh dia bila minggu ni [ini] gilir baca hadis contohlahkan, haa menyampaikan perkara-perkara yang membawa kepada kebaikan lah, sunnah Rasul dan ada aah dia akan ajar pulak (berdecik) kira penyampaian juga macam

kelas berzanji kan ahh menyampaikan lah..kelas bacaan yassin, tajwid tapi [tetapi] yang jadi sedihnya tak [tidak] tahulah (berdecik) di tempat awak sana macam mana sambutan? sambutan dia kurang, kita nak beri dia makan tapi [tetapi] dia tak [tidak] nak [mahu] terima lah..bila masa esok bila dah sampai syakara maut nak tiba baru dia sedar, “Allah, aku dah terlajak dulu” lah ha...

**Julaihan: Ahemmm, seterusnya kita akan beralih ke soalan isu semasa..**

Imam Hassan: Ya [baik]..

**Julaihan: Sejak akhir-akhir ini ahhh banyak terpapar didada akhbar tentang militant IS..**

Imam Hassan: Ya [betul]..

**Julaihan: Ahh..apakah pendapat Imam tentang militant?**

Imam Hassan: Militan ni [ini] adalah satu, kalau saya punya pendapat lah, kerja yang sia-sia, kerja yang mendatangkan tanpa faedah, membawa kepada kemurkaan Allah S.W.T, IS ni apa.. “Islam State”. apa namanya?

**Julaihan: Tapi berdasarkan pengetahuan saya diaa (berfikir). Apa? menolak pemerintahan demokrasi..**

Imam Hassan: Tapi kadang-kadang sampai...kalau macam tu [itu] kenapa pulak [pula] orang yang tak [tidak] salah pun dia bunuh juga..haaa..

**Fadzli:** Hmm..Itu persoalannya..

Imam Hassan: Itu persoalannya..orang yang baik, tak [tidak] bermusuh pun, tak [tidak] bermusuh dengan kita dia bunuh sekali..haa..itu yang saya tak [tidak] kenan [suka]...contoh yang berlaku di Syria ehh..Syria ada IS ke? Takda?

**Fadzli:** Syria?

**Julaihan:** Syria...

Imam Hassan: Yang bawa IS ni [ini] sebenar Iraq tu [itu] tau [tahu] tak...Iraq..ehemm (berfikir).. “Kurdis”

**Julaihan:** Ok [baik] aaa anak-anak muda sekarang banyak tertarik untuk menyertai IS...

Imam Hassan: Haa

**Julaihan:** Pada pendapat imam apakah yang mendorong mereka untuk menyertai militant?

Imam Hassan: Pada saya, pandangan saya walaupun pandangan ini bertentangan dengan pihak-pihak yang lebih arif daripada saya lah kan, yang pertama sekali kadang-kadang bukan mereka-mereka ini tiada ilmu agama, contoh yang menyertai IS tu [itu] kadang-kadang daripada keluar dari kolej islam kan, daripada maktab-maktab, bukan daripada orang bodoh-bodoh, tapi [tetapi] kadang-kadang dia ni [ini] telah dihasut..tau [tahu]?..hasut ni [ini] banyak, kadang hasut gunakan ini..”kau jangan susah, kau masuk, mak bapak kau tinggal, aku tinggalkan duit sepuluh (10) juta ke seratus (100) ribu aku” contohlah...haa

mudah menerima hasutan tanpa berfikir terlebih dahulu lah..tu [itu] dia..ertinya takda [tidak ada] (berdecik) menerima..apa..ehehem pendapat orang dan tidak... selalu macam tu [itu] dia cari mereka-mereka yang putus asa..ahh contohnya tak [tidak] dapat memohom ini, tak [tidak] dapat nak masuk maktab ini, tak [tidak] dapat pinjaman ini, contohlah kan..sebab pernah berlaku datang ke rumah dia cerita kat saya,”kalau macam ni [ini] lebih baik saya pergi ke IS je [saja] imam” wahh dia ni [ini] melarat budak ni [ini]..camtu [macam itu] tak [tidak]dapat, mintak tabung PTPTN tak [tidak] dapat, ahh rupanya ada kes memanglah tak [tidak] dapat..ehemmm

**Julaihan: Adakah ia mendorong daripada sikap ahhh anak muda itu sendiri yang..**

Imam Hassan: Kadang-kadang terdorong apabila sikap anak muda itu sendiri dan juga pengaruh luaran sebab mereka ni [ini] tidak apa..(berdecik)..tidak berfikir secara apa..

**Fadzli: Rasional..**

Imam Hassan: Ahhh ini boleh lah..ahh sampai sanggup kau akan “mati Syahid “esok kata dia..dia tak [tidak] tahu Syahid tu [itu] macam mana..haaa

**Julaihan: Sejak akhir-akhir ini di Negara kita pun haaa hampir diserang dengan IS..aaa dengan apa..dengan cubaan hmm untuk meletupkan bandar-bandar utama di Negara..adakah ia menimbulkan kerisauan pada Imam?**

Imam Hassan: Pada..sebagai seorang Islam memanglah..memandangkan negara kita masih lagi..bolehlah dikatakan..ehemm..tidaklah macam negara luar sangat kan..memang memandangkan umat Islam di negara ini masih hendak belajar, yang betul-betul nak [mahu] belajar..dan yang tidak berdosa, bila berlaku macam tu [itu] negara akan huru hara

lah dan pelajar-pelajar kita akan terumbang-ambing lah kan..mak bapak [ibu bapa] dah berkorban masa, berkorban duit tiba tiba..contoh tengoklah yang jadi di Kuala Lumpur tu [itu], kejap rusuhan sana kejap perhimpunan sana perhimpunan sini..alasannya inilah “gst lah” macam macamlah kan, kes politik macam kes “Anwar”..tak [tidak] puas hati..ini melibatkan inilah..dia ada pengaruanlah, pengaruh nipis.

**Julaihan:** Pada pendapat imam, bagaimana cara untuk mengelakkan diri mereka ini daripada menyertai militant.

Imam Hassan: Yang pertama sekali gunakan agama ada pada diri kita selalu muhasabah diri, selalu kata orang mohon pada Allah S.W.T. jalan kebenaran..itu bukan jalan kebenaran, jalan kehancuran itu..contohnya “ahh tak [tidak] apa lah aku pergila.. “mati syahid”, mak bapak aku duit orang bagi”---... dengan adanya ah kumpulan atau pengikut, kumpulan macam itu sebab kadang-kadang pengaruh luar tanpa pentingkan agama, dah tahu agama tapi [tetapi] tidak diamalkan, ada ilmu tidak beramal, seolah macam pokok tak [tidak] berbuahlah..akhirnya pokok itu tumbang gitu..ahh itu dia...

**Julaihan:** Kita sebagai masyarakat ni [ini], macam mana cara untuk kita..apa..mengelakkan mereka-mereka ni [ini], untuk menghalang mereka-mereka untuk menyertai?

Imam Hassan: Pihak yang bertanggungjawab, contohnya itu yang diadakan macam satu kelab-kelab sosial yang membawa kepada kebaikan dan jauhi daripada perkara-perkara yang membawa kepada keburukan dan yang telah diadakan oleh pihak kerajaan dan yang patut kita ikutilah, kadang-kadang bawa kepada yang tak [tidak] elok pun adakan, contoh pemimpin-pemimpin agama kita yang betul-betul jadikan kelas, macam-macam ada sekarangkan..jadi kadang-kadang pada hari ini orang muda-muda dia tak [tidak] berapa suka itu, dia suka hiburan, dia suka “akademi fantasia, raja lawak, komedi lawak”..itu yang dia suka kan [bukan]..kilauan emas itu yang dia hendak benar, itu lah jadinya..

**Fadzli:** Sebelum arrr sebelum wujudnya isu mengenai IS ni..ok [baik] aaa sebenarnya dari zaman dulu kami sering dibanjiri oleh ahhh orang kata protes-proteslah..yang melibatkan arr pelajar ataupun student, pada pendapat ustaz ahhh selain daripada pengaruh apakah aspek yang boleh menarik minat mereka untuk menyertai kumpulan-kumpulan berikut walaupun kita tahu student ni [ini] orang yang cendikiawan, pandai bijaksana tapi [tetapi] kenapa akhlak mereka mudah dihancuri..

Imam Hassan: Haaa manusia mudah terpengaruh, mudah terjebak dengan beberapa perkara, contohnya kita gunakan perkataan huruf “TA” ... ‘takhta’, ‘wanita’, ‘harta’, maka dia.. ‘takhta’ kerana pangkat, “kalau kau amek dia aku berikan kau pangkat ini”..hmm

### **Fadzli: Wanita?**

Imam Hassan: Wanita kalau lagi satu “aku beri kau perempuan” lagi “aku bagi kau duit”..harta..itulah..”kau jangan bimbang..duit ada, daripada kau..ni [ini] buat apa..haa ni [ini] senjata, “training” di Syria, contohlah..pengaruh, kita tak [tidak] berfikir panjang..hmmm

**Julaihan: Baiklah uhhh kita beralih pula pada isu tentang Syiah...uhhh apa pula pendapat imam tentang fahaman Syiah yang sedang terpapar di dada akhbar?**

Imam Hassan: Tahu-tahu, Syiah ni [ini] memang telah di beberapa kali, beberapa banyak khutbah telah di...awak pun saya ingat kalau sembahyang Jumaat di UiTM telah dengar Syiah tu [itu] kan, bagaimana kaedahnya, ajaran Syiah tu, mazhab Syiah ni [ini], dia memang tak [tidak] mempercayai kepada Nabi, sahabat-sahabat Nabi, kaedahnya dia bukan ahli Sunnah Wal Jamaah dan dia sanggup bunuh orang ahli Sunnah daripada suci darah kita ni [ini], daripada hukumnya dia boleh kahwin/nikah sampai seribu, boleh kahwin dengan bini orang, kahwin kontrak nikah Mutaah namanya, nikah Mutaah kahwin berdua jela [sahaja lah], “Minah, hari ni [ini] kita kahwin dua (2) hari ea”, cukup hari cerai, kahwin

dengan orang lain, itu yang boleh kahwin sampai seribu..haaa ini bukan kenapa, bukan kerana orang tu [itu] takada {tidak ada} ilmu maka yang terlibat tu [itu], yang Syiah ni [ini] anak-anak muda kita yang belajar di Iran, belajar di Jordan, ini lah punca bawa balik di Johor dah banyak berlaku, dia mengembangkan ajaran Syiah ni, buat apa kau nikah banyak-banyak sangat, nikah Mutaah senang, tak payah hantar-hantar belanja pulak, mas kahwin pulak, haaa..dia pengaruhi adik-adik dia, inilah huru-hara jadinya..sedangkan Allah dah turun berbagai tanda sekarang, itu hari Negara kita macam-macam kejadian... gempa bumi di Nepal, tsunami itu semua dah tanda-tanda kiamat tu [itu], kita masih lagi tak [tidak] sedar, itu hari dah gegar kat [dekat] Port Dickson itu kan [bukan], haa main-main..hmmm

**Fadzli: Akhir zaman ye ustaz?**

Imam Hassan: Ya [betul]

**Julaihan: Adakah Syiah, fahaman Syiah dilabelkan sebagai “bukan Islam”?**

Imam Hassan: Hukumnya saya tak [tidak] berani nak [mahu] cakap---, tapi [tetapi] kalau sah betul dia orang Syiah, mengikut jabatan agama, kita tidak boleh uruskan jenazah dia, kalau betul dia Syiah, dia tak Rasulullah, para-para sahabat, bila kita tahu dia Syiah...(gangguan, bunyi motor)

**Julaihan: Haa bagaimana pula kita nak membezakan antara ahli Sunnah Waljamaah dengan Syiah ni [ini]?**

Imam Hassan: Dia, bila Syiah ni [ini], dia ada kaedahnya, ahli-ahli dia lah, dulu di Segamat ajaran Taslim di Tasik Alai Gemerih dulu, lepas tu [itu] kalau orang dia mati “kau” jangan

usik [masuk campur], dia boleh uruskan, dia boleh jadi imam, Syiah ni [ini] kita tahu, dia kalau orang dia mati dia tak [tidak] akan jumpa kita, dia mesti cari orang dia..

**Julaihan: Tidakkah fahaman Syiah ni [ini] boleh menimbulkan kekeliruan kepada--?**

Imam Hasan: Memang boleh...memang boleh dan akan membawa kepada kerosakan, keruntuhan akhlak dan agama dan berlakunya anak-anak, keturunan nasabnya tidak sah, anak luar nikahlah banyak, anak taka da [tidak ada] bapak, kahwin sana kahwin sini, bapak tak [tidak] kenal mak, mak tak [tidak] kenal bapak, macam tu [itu] lah [itulah] kaedahnya..hmm contoh dulu ingat tak [tidak] Al-arqam, ingat dulu?

**Julaihan: Al-arqam ehh?**

Imam Hassan: Ah'ah [betul] ..Shaari Mohammad dia boleh kahwin berapa dulu, 37 bini dia..hmm

**Fadzli: Ini yang sahlah?**

Imam Hassan: Yang mana dia, orang Seremban, Pinang, Seremban Negeri Sembilan.

**Julaihan: Adakah ia masih berleluasa di Negara kita?**

Imam Hassan: Setakat ni [ini] lah kurang lah, dapat di, dapat dikawallah, ingat dulu dia buat baik, dia buat kicap, dia buat apa, rupanya dia nak [mahu] mengicap budak-budak muda.

**Julaihan: Hmm okay [baik] imam, adakah perpecahan dalam kalangan Negara Islam adalah berpunca daripada puak Syiah?**

Imam Hassan: Akhirnya memang akan berpunca, memang akan membawa kepada kehancuran akidah.

**Julaihan: Kerana perbezaan pendapat?**

Imam Hassan: Ya [betul]

**Julaihan: Ahh adakah fahaman Syiah dan Is ni [ini] apaa (berfikir), mencetus kepada Islamophobia di kalangan orang-orang Barat?**

Imam Hassan: Memang kaedahnya..uhhh, walaupun kepada, anggapan mereka Syiah dan Is ni [ini] boleh meruntuhkan orang yang “kuku besi”lah kan, tapi [tetapi] tidak sebenarnya..dia nak menghancurkan kita, kaedah bacanya, baca kitab-kitab, bukan nak memperbaikkan umat Islam, nak menjahanamkan umat Islam.

**Fadzli: Begitu juga pendapat beberapa uhh orang kuat Barat, mereka sendiri mengatakan bahawa pengganas-pengganas sebenar adalah daripada orang Islam diikut dengan penyerang-penyerang Taliban dan ada juga pedapat Barat dia sendiri mengatakan taliban-taliban berikut adalah ciptaan CIA iaitu ahli mereka sendiri. Pada pendapat ustaz, uhhh pada pendapat imam apakah pandangan yang sering diberi daripada orang Barat terhadap orang Islam sendiri?**

Imam Hassan: Sebenar cara yang mereka lakukan itu sebahagian kecilnya memang hasutan ataupun suruhan daripada pihak- pihak yang boleh dijadikan kata sekarang ni [ini] menjadi

ancaman kita dari Negara luar, contoh Amerika kan, taliban-taliban tu [itu] sebenar, walaupun pada mulanya dia fikir “aku ni [ini] berjuang untuk keamanan negara” tapi [tetapi] bila difikir-fikir dah [sudah] terlanjur,aaa daripada apa “menyeluk pekasam biarlah kepangkal lengan”, jadi benda ni [ini] ikut samalah..

**Julaihan: Apakah pula pendapat Imam tentang tindakan sesetengah orang Islam uhuh mengebom apaa sebagai contoh mengebom pusat pencetakan majalah di Perancis kerana apaaa..**

Imam Hassan: Menghina Rasulullah?

**Julaihan: Ahh menghin Rasulullah**

Imam Hassan: Pandangan saya, ini junjungan kita Rasulullah SWT, tidak boleh diremeh-temeh tidak boleh diha-hinakan, setengah pendapat berkata, pada saya lah memang saya setuju lah juga, Nabi Muhamad dah dimain-mainkan, dihina-hina, oleh sebab (berdecik) pihak Barat dia kata umat Islam seorang pengganas..

**Fadzli: Hmm..dilabelkan..**

Imam Hassan: Dilabelkan pengganas, tapi tidak tahu dibuat-buat ‘blog’ kartun Nabi Muhammad (berdecik) kita tak [tidak] pernah pun melabelkan..(gangguan kanak-kanak)

**Fadzli: Pada pendapat sesetengah para ulama itu adalah permainan Barat dimana mereka saja uhhh ingin membuatkan umat Islam tercabar dan bila umat Islam tercabar dia melakukan perkara-perkara di luar jangkaan seperti pengeboman untuk mempertahankan**

**Islam dan selepas itu mereka sendiri kata bahawa umat Islam adalah pengganas, itu isu yang sering dipersoalkan.**

**Julaihan: Okk baiklah uhh seterusnya apakah harapan imam dalam program keagamaan di kalangan anak-anak muda amnya di negara kita dan khususnya di kampong Tebing Tinggi ini?**

Imam Hassan: Ahh saya punya pendapat dan harapan saya lah mudah-mudahan untuk anak-anak muda bukan untuk di Tebing Tinggi sahaja, khasnya seluruh Negara amnya supaya kembalilah kepada kebenaran, uhh sertailah program-program keagamaan yang membawa kepada manfaat bagi diri, bangsa dan agama, mudah-mudahan tidak akan berlaku perkara-perkara yang tidak diingini bagaimana kita telah dilabelkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab sebagai Islam adalah apa ni [ini], pengganas, penderhaka, mudah-mudahan, pendapat sayalah, pandangan sayalah.

**Fadzli:Ok [baik] uhhh adakah imam menggalakkan sosio agama di kalangan anak muda di kampung ini?**

Imam Hassan: Memang saya, memang tiap-tiap [setiap] kali di kelas-kelas Tahmir saya mengumumkan, memberitahu ketua dia lah, beritahu malam ni [ini] ada kelas Tahmir, diminta hadir beramai-ramai kerana mendengar ceramah yang akan disampaikan oleh ustaz.

**Fadzli: Bagaimana maklum balas daripada?**

Imam Hassan: Itulah, kalau 10 datang ( 4, 5 ) sahaja, adalah.

**Fadzli:** Apakah strategi imam untuk menerapkan dalam diri anak-anak muda untuk menyambung adat dan tradisi di kampung ini?

Imam Hassan: Hurmm maksudnya?

**Fadzli:** Cara-cara ataupun apa yang imam nak pupukkan?

Imam Hassan: Saya selain daripada itu, saya sentiasa mendampingi budak-budak muda ni [ini], contohnya pergi ke kelas, apa pergi ke “court futsal” dia..

**Fadzli:** Ohhh..

Imam Hassan: Dulu ada sepak takraw, ping pong di balai raya, memang kadang-kadang saya pergi sambil-sambil tu [itu] saya bercerita, saya pun masa muda macam [seperti] ini jugak, main badminton juga kata saya tapi [tetapi] ‘time’ maghrib saya tinggalkan pergi ke masjid alhamdulillah nampak ada jawapan dia lah kan...

**Fadzli:** Itu merupakan salah satu pendekatan?

Imam Hassan: Pendekatan lah..

**Fadzli:** Adakah ia berhasil?

Imam Hassan: Alhamdulillah

**Fadzli: Alhamdulillah. Ok [baik] imam, pada pendapat imam kenapa generasi sekarang memiliki fikiran yang cerdas akan tetapi tidak memiliki akhlak yang mulia?**

Imam Hassan: Haa ini dia, ada ilmu kata orang tak [tidak] digunakan, ada ilmu tidak (gangguan) sambung-sambung..

**Fadzli: Sambung... pada pendapat imam kenapa generasi sekarang memiliki fikiran yang cerdas akan tetapi tidak memiliki akhlak yang mulia?**

Imam Hassan: Ada ilmu tidak diamalkan, ada ilmu tidak bercampur, muhasabah diri, tidak menyertai kelab-kelab agama, ingat agama... (gangguan)

**Fadzli: Boleh imam jelaskan mengapa benda [perkara] ini berlaku?**

Imam Hassan: Yang pertama sekali kehebatan diri sendiri, yang kedua uhh puncanya tidak mahu menghadiri kelas bimbingan...

**Fadzli: Adakah uhh, persoalannya adakah ibu bapa yang menjadi persoalan?**

Imam Hassan: Ada, katakanlah ibu bapa tidak memberi galakan kadang-kadang ibu bapa tidak mengambil berat tidak ambil peduli, nabsu-nabsi kau-kau lah nak sembahyang sudah tak [tidak] nak sembahyang sudah lah kau, sebab kita nak [mahu] melentur buluh nak daripada rebung kan?

**Fadzli:** Seperti mana yang telah terjadi kepada kami, seperti yang kami lihat sendiri, ibu bapa beliau merupakan seorang yang kuat agama tetapi tidak kepada anaknya, kenapa perkara ini berlaku?

Imam Hassan: Sebab ini kadang-kadang bak kata pidalan melayu..uhh “ketam nak berjalan, apa nak [mahu] berjalan mengiring, anak berjalan lurus”, tak [tidak]boleh kan[bukan] , maksud dia dah biasa lah tu [itu], bapak boleh mengaji anak tak [tidak] boleh mengaji, seba kadang-kadang itu lah (berdecik) ada ilmu ada yang telah disampaikan masa di sekolah, bawa balik tidak diamalkan..ahh

**Fadzli:** Adakah itu salah kepada ibu bapa atau pun iu bapa itu sendiri terlepas pandang?

Imam Hassan: Pada pendapat saya kita tidak boleh salahkan ibu bapa, dah cukup didikan diberi daripada apa daripada sekolah sampailah agama, sampaikan kelas-kelas yang telah dipertanggungjawabkan, sampai ke menara gading kan, tapi [tetapi] mereka itu sendiri yang menyebabkan kerosakan pada diri mereka sendiri.

**Fadzli:** Okk [baik] pada pendapat imam uh h sebab –sebab yang telah imam berikan itu tadi iaitu antara salah satu (1) punca ialah diri sendiri, kedua (2) ibu bapa?

Imam Hassan: Ya [betul]

**Fadzli:** Ahh kalau kita masukkan aspek pengaruh rakan sebaya, adakah itu menjadi salah satu sebab?

Imam Hassan: Itu salah satu juga, pengaruh luaran lah maksudnya, pengaruh luaran, isu-isu semasa, isu yang membawa kepada kehancuran, hiburan, menyukai hiburan merosakkanlah.

**Fadzli: Ok bagaimana pula cara untuk membendung perkara ini?**

Imam Hassan: Itulah..kita balik ke “pangkal jalan”, sesat hujung jalan kita balik pangkal jalan, yang pertama kita balik ke ajaran kita, ajaran islam, sentiasa muhasabah diri, bila muhasabah diri kita memang tak [tidak] tinggallah apa yang telah Allah SWT wajib kita mesti buat, jauh daripada kemungkaran, buat yang disuruh itu aja [saja] lah.

**Julaihan: Ahhh dalam apa hidup bermasyarakat pula bagaimana pula kita hendak membendung dari---**

Imam Hassan: Yang pertama sekali kita sentiasa antara masyarakat sama ada di kampung atau di desa dan di taman mesti ada kaedahnya, hidup dalam Islam ada gotong-royong, maksudnya kerjasama, ertinya kita tak [tidak] bolehlah nak nabsu-nabsi, “kau buat kerja kahwin kau punya pasal, kau nak [mahu] jemput orang ke” kalau adanya amalan itu maka insha allah masyarakat kita sama ada ditaman atau dikampung akan berjaya in sha allah.

**Fadzli: Orang kata uhh pendekatan terbaik adalah pendekatan dengan masyarakat ataupun jiran sebelah..ok [baik] ustaz uhh pada pendapat imam bagaimanakah cara untuk meraih hati anak-anak muda untuk mendalamai ilmu-ilmu agama, apakah strategi yang berkesan?**

Imam Hassan: Strategi yang berkesan pada pendapat saya apabila mereka-mereka ini menghadirkan diri ke masjid, surau, ke kuliah-kuliah agama, pihak yang bertanggungjawab mesti sentiasa memberikan aah apa khas untuk anak-anak muda lah contohnya suasana yang berlaku setakat hari ini, isu semasa yang berlaku pada hari ini melibatkan anak-anak

muda sampai kita umat Islam dilabelkan sebagai “pengganas”, kita mesti tanamkan semangat kasih sayang pada agama bangsa dan Negara, jauhi daripada apa ni [ini] yang membawa kepada kerosakan, kehancuran, sebab kehidupan kita bukan setakat di dunia mahupun kita akan ditanya di akhirat esok kan..hmm

**Fadzli:** Ok tadi imam ada sebut pasal utk menarik anak-anak muda untuk datang ke masjis, surau., apakah langkah yang bekesan untuk kita menarik perhatian anak-anak muda untuk pergi ke surau dan mendalami ilmu agama, apakah strategi yang berkesan?

Imam Hasan: Yang pertama sekali saya telah buat di kampung ni [ini] lah walaupun tidak memberi kesan sepenuhnya kita tidak leka atau lalai mengadakan, bila majlis diadakan kita adakan jamuan ringan, pihak surau dan masjid, kelas malam ni [ini] kita ada jamuan dan tajuk malam ni [ini] haaa..untuk anak-nak muda..kita jangan lupa ceramah dengan habuan hati dia lah..takkan [tidak akan] adakan ceramah lesu je [saja] kan.

**Julaihan:** Ok [baik] adakah imam bersetuju yang generasi sekarang sudah mula menyedari tentang apa, tentang hidup beragama, macam contoh gadis-gadis pada 80-an ramai yang tidak pakai tudung, zaman sekarang ramai yang dah bertudung, adakah imam bersetuju?

Imam Hassan: Alhamdulillah ibarat apa kata orang dari masa ke semasa perubahan, dah nampak, kita kalau tengok pada gadis-gadis dan kita tengok pula di tv penyanyi-penyanyikan, dah banyak yang bertudung pulak sekarang, contoh Ziana Zain berlakon dah bertudung, banyak dah bertudung sekarang, benda ni [ini] tak [tidak] payah [perlu] kita fikirkan, tak payah [perlu] sampai kita nak [mahu] pergi ke Mekah, tak payah [perlu], memang tak [tidak] salah menyanyi, tak [tidak] haram menyanyi tu [itu], tapi [tetapi] biar ikut peraturan kan..

**Fadzli:** Ok [baik] ustaz, kalau kita masuk ke uhh politik sedikit adakah ustaz mengalami masalah, ok?? Ok ustaz megenai isu-isu bertudung ni [ini] kebanyakannya kita tengok menteri-menteri kita, ataupun uhh peteri UMNO, kebanyakannya memakai tudung tapi [tetapi] tidak kena pada syariah dimana pakai tudung tetapi rambut terkeluar..

Imam Hassan: Rambut terkeluar..haaa

**Fadzli:** Mengikut fesyen..adakah itu, pada ustaz adakah itu satu isu?

Imam Hassan: Betul, pada saya benda ni [ini] kadang-kadang cuma nak buat “ala kadar” [cukup syarat] je [saja] kan, melepaskan batuk di tangga,

**Fadzli:** “Cukup syarat” betul.

Imam Hassan: Dia tidak tahu haramnya keluarkan rambut tu..

**Fadzli:** Itu masalahnya..

Imam Hassan: Pukul berapa kita ni [ini]?, hari Jumaat ni..

**Fadzli:** (12:30)

Imam Hassan: Ahh

Fadzli: (12;30)

Imam Hassan: Ehh tak [tidak] lama lagi..

**Fadzli: Kita habiskan sikit ustaz ye..okk [baik] ustaz, ok [baik] apakah harapan imam terhadap generasi masa kini dan juga seterusnya?**

Imam Hassan: Alhamdulillah saya berdoa pada Allah SWT kita saya berdoa siang malam selepas saya solat supaya kita masyarakat Islam terutama anak-anak muda, lelaki dan perempuan supaya balik ke pangkal jalan, taat kepada Allah, balik kepada ajaran Tuhan, dan sentiasa mengikut ajaran yang telah disampaikan oleh guru-guru mereka yang telah diamanahkan dan juga ibu bapa, mudah-mudahan mereka sentiasa mendapat apaa, pendorong kepada mereka-mereka yang berjaya in sha allah.

**Fadzli: In sha allah, itu harapan ustaz untuk generasi zaman sekarang dan akan datang.. ok [baik] ustaz beginilah kita sudah ahh masa pun dah mencumburui kita..**

Imam Hassan: Betul tu [itu].

**Fadzli: Kita pun telah berada di akhir temubual ini ye, ok [baik] ustza, imam segala persiapan yang telah kami ingin menebual tokoh agama sudah selesai dan Alhamdulillah ia sudah selesai, ok imam uhhh pada pendapat imam adakah kami saya Muhamad Fadzli dan Julaihan menepati uhh kriteria sebagai pelajar?**

Imam Hassan: Iya

Fadzli: Iya

**Julaihan: Baiklah imam uh h kita sudahi kita punya temubual ni [ini] dengan walbilah hi waltaufik hidayah wasalamualaikum warohmatullahi wabarakatu.**

Imam Hassan: Waalikumsalam, saya pun nak mengucapkan terima kasih lah, walaupun apa ni, walaupun apaa, jawapan daripada saya mungkin tak memuaskan sebab saya pun uzur kah kan, perangai budak-budak pun..in sha allah

**Fadzli&Julaihan: Tak kisah imam**

**Fadzli; Ok [baik] ustaz terima kasih banyak-banyak. Assalamualaikum warohmatullahi wabarakatu.**

Imam Hassan: waaalamualaikum warohmatullahi wabarakatu.

**Tamat**

# **LOG TEMUBUAL**

## LOG TEMUBUAL

Berikut adalah log temubual yang mana catitan masa sepanjang temubual di jalankan.

| MASA               | SUBJEK                    | NAMA-NAMA & PERKATAAN PENTING  |
|--------------------|---------------------------|--|
| Rakaman 1<br>00:50 | Pengenalan diri           | <ul style="list-style-type: none"> <li>- Tuan Haji Hassan Bin Haji Atan</li> <li>- A Manap</li> </ul>  |
| 01:13              | Latar belakang pendidikan | <ul style="list-style-type: none"> <li>- Sekolah Agama Tuanku Abdul Rahman Segamat</li> <li>- Bandar Segamat</li> <li>- Tahun 1954-1958</li> </ul>   |
| 01:40              | Rumah tangga              | <ul style="list-style-type: none"> <li>- Puan Hajah Rahmah Binti Haji Idris</li> <li>- Kampung Tebing Tinggi Segamat</li> <li>- Tahun 1969</li> </ul>  |
| 02:00              | Latar belakang anak-anak  | <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kerajaan</li> <li>- Swasta</li> <li>- Pemain Bola</li> </ul>  |
| 03:25              | Latar belakang pekerjaan  | <ul style="list-style-type: none"> <li>- Guru Bahasa Melayu</li> <li>- Sekolah Jenis Kebangsaan Cina</li> <li>- Sekolah Kebangsaan Cina Buloh Kasap</li> <li>- Sekolah Kebangsaan Cina Err Chan Hui -Estet Jaguh Kluang Johor</li> </ul> |
| 04:14              | Penglibatan persatuan     | <ul style="list-style-type: none"> <li>- Persatuan-Persatuan Belia</li> <li>- Daerah Segamat</li> <li>- Wardini Asmara</li> </ul>  |

|       |   |  |
|-------|---|--|
|       |   | - Maulidur Rasul   |
| 06:30 | Tugas seorang imam  | <ul style="list-style-type: none"> <li>- Qariah Jemaah</li> <li>- Al-Quran</li> <li>- Masjid Tebing Tinggi</li> </ul>  |
| 07:35 | Majlis berbuka puasa  | <ul style="list-style-type: none"> <li>- Nuzul Quran</li> </ul>  |
| 09:50 | Penglibatan dalam persatuan surau/masjid                    | <ul style="list-style-type: none"> <li>- Tahun 1969</li> <li>- Masjid Jamek Tebing Tinggi</li> <li>- Johor</li> </ul>  |
| 12:00 | Proses pemilihan imam                                       | <ul style="list-style-type: none"> <li>- Melaka</li> <li>- Kluang</li> <li>- Barisan Nasional</li> <li>- Ahli Sunnah Wal Jama'ah</li> </ul>  |
| 15:35 | Perlaksanaan pencalonan pegawai dan ahli jawatankuasa surau | <ul style="list-style-type: none"> <li>- Al-Hafiz</li> <li>- Pengurus</li> <li>- Timbalan Pengurus</li> <li>- Setiausaha Masjid</li> </ul>   |
| 19:20 | Pengalaman jawatan yang disandang                           | <ul style="list-style-type: none"> <li>- Tahun 1969</li> <li>- Khatib</li> <li>- Jabatan Agama Johor</li> <li>- Daerah Segamat</li> <li>- PIBG</li> <li>- Kampung Tebing Tinggi</li> <li>- Mukim Jementah</li> </ul> |
| 33:59 | Pengalaman sebagai jurunukah                                | <ul style="list-style-type: none"> <li>- Jementah</li> <li>- PhD</li> <li>- Fatimah Binti Abdullah</li> <li>- Muhammad Bin Kassim</li> <li>- Batu Tujuh Jalan Muar</li> <li>- Taman Harmoni</li> </ul>               |

|         |  |   |
|---------|--|---|
|         |  | <ul style="list-style-type: none"> <li>- Tuan Haji Abdul Ghani Othman</li> <li>- Jabatan Agama</li> <li>- Rasulullah</li> <li>- Perak</li> <li>- Enakmen</li> </ul>   |
| 1:04:40 | Perlaksanaan sepanjang penglibatan           | <ul style="list-style-type: none"> <li>- Segamat</li> <li>- Jabatan Agama Islam Johor</li> <li>- Tuanku</li> </ul>  |
| 1:12:40 | Islam state (IS)                             | <ul style="list-style-type: none"> <li>- Militan</li> <li>- Demokrasi</li> <li>- Syria</li> <li>- Iraq</li> <li>- Ptptn</li> <li>- Mati Syahid</li> <li>- Kilauan Emas</li> <li>- Cendikiawan</li> </ul>  |
| 1:21:45 | Fahaman syiah                                | <ul style="list-style-type: none"> <li>- Uitm</li> <li>- Ahli Sunnah Waljamaah</li> <li>- Iraq</li> <li>- Jordan</li> <li>- Nikah Mutaah</li> <li>- Nepal</li> <li>- Tsunami</li> <li>- Tasik Alai</li> <li>- Al-Arqam</li> <li>- Kelas-Kelas Tahmir</li> </ul> |
| 1:29:14 | Program keagamaan di kalangan anak-anak muda | <ul style="list-style-type: none"> <li>- Tebing Tinggi</li> <li>- Pengganas</li> <li>- Penderhaka</li> </ul>  |
| 1:30:30 | Sosio agama di kalangan anak muda            | <ul style="list-style-type: none"> <li>- Ustaz</li> <li>- Court Futsal</li> </ul>   |

|              |   |   |
|--------------|---|---|
|              |   | <ul style="list-style-type: none"> <li>- Maghrib</li> <li>- Badminton</li> </ul>  |
| 1:32:20      | Generasi sekarang memiliki fikiran yang cerdas akan tetapi tidak memiliki akhlak yang mulia | <ul style="list-style-type: none"> <li>- Muhasabah Diri</li> <li>- Nabsu-Nabsi</li> <li>- Kata Pidalan Melayu</li> <li>- Pangkal Jalan</li> </ul> |
| 1:36:00      | Hidup bermasyarakat   | <ul style="list-style-type: none"> <li>- Islam</li> </ul>   |
| 1:37:19      | Pendekatan mendalamai ilmu-ilmu agama   | <ul style="list-style-type: none"> <li>- Strategi</li> <li>- Pengganas</li> <li>- 80-An</li> <li>- Ziana Zain</li> <li>- Umno</li> </ul>          |
| 1:41:18      | Harapan imam terhadap generasi masa kini dan juga seterusnya                                | <ul style="list-style-type: none"> <li>- Tuhan</li> <li>- Mudah-Mudahan</li> <li>- Pangkal Jalan</li> </ul>                                       |
| 1:42:00      | Penutup   | <ul style="list-style-type: none"> <li>- Terima Kasih</li> <li>- Penghargaan</li> </ul>   |
| <b>Tamat</b> |   |   |

# **BIODATA TOKOH**

## BIODATA TOKOH



|                    |  |
|--------------------|--|
| Nama Sebenar       | : Haji Hassan bin Haji Atan                  |
| Nama panggilan     | : A. Manap                                   |
| Tarikh Lahir       | : 1948                                       |
| Tempat Lahir       | : Kampung Tebing Tinggi Segamat Johor        |
| Nama isteri        | : Hajah Rahmah binti Haji Idris              |
| Bilangan anak      | : Lapan orang                                |
| Agama              | : Islam                                      |
| Bangsa             | : Melayu                                     |
| Pekerjaan sekarang | : Imam di kampung Tebing Tinggi              |
| Jawatan            | : Juru nikah (Tok Kadi)                      |
| Pendidikan         | : Sekolah Agama Tuanku Abdul Rahman Segamat. |

**SENARAI  
SOALAN  
TEMUBUAL**

## 6.0 SENARAI SOALAN TEMUBUAL

Berikut adalah soalan temubual yang disoal semasa sesi temubual dijalankan:

1. Assalamualaikum imam, apa khabar? Sihat?
2. Terlebih dahulu, izinkan kami untuk memperkenalkan diri kami dulu, saya Muhammad Fadzli bin Sharif dan di sebelah saya ni Julaihan bin Juhaili, kami merupakan pelajar dari Fakulti Pengurusan Maklumat di UiTM Kampus Segamat, Johor. Sekarang, imam boleh tak memperkenalkan diri imam?
3. Boleh ceritakan serba sedikit biodata imam?
4. Adakah anak-anak tok imam masih tinggal bersama tok imam?
5. Di manakah imam mendapat pendidikan?
6. Pendidikan tertinggi imam?
7. Bilakah imam memulakan pendidikan agama?
8. Pada tahun berapakah imam mula mendirikan rumah tangga?
9. Imam mempunyai berapa orang anak? Dan apakah kerjaya masing-masing?
10. Pada tahun berapa imam duduk di sini?
11. Adakah ini memang rumah pusaka keluarga imam sejak turun temurun?
12. Boleh ceritakan rutin sehari-hari imam?
13. Adakah imam memiliki pengalaman bekerja sebelum ini?
14. Apakah bidang yang imam ceburi dalam kerjaya imam suatu ketika dahulu?
15. Di manakah imam berkhidmat di sector tersebut?
16. Pada tahun berapakah imam berkhidmat di sector berikut?
17. Pada tahun berapakah imam bersara daripada kerjaya tersebut?

18. Adakah persaraan imam itu bersara pilihan atau bersara umur?
19. Adakah imam pernah terlibat dengan sebarang persatuan ketika masih berkhidmat?
20. Apakah sumbangan yang pernah imam sumbangkan dalam persatuan berikut?
21. Apakah impak yang imam peroleh hasil dari penglibatan imam dalam persatuan berikut?
22. Apakah jawatan yang disandang dalam persatuan berikut?
23. Boleh ceritakan aktiviti yang biasa dilakukan di dalam persatuan tersebut?
24. Imam, saya ada terlihat belakang rumah imam ada makam-makam, apakah kaitan makam-makam di belakang ini dengan imam?
25. Selain itu juga, terdapat lagi satu tanah perkuburan di arah sebelum masuk ke lorong rumah imam ni. Mengapa tanah perkuburan terbahagi kepada dua di kampung ini?
26. Saya dapat tahu juga kampung ini mempunyai tokoh agama yang terdahulu. Dan sudah semestinya ada masjid tertua di kampung ini. Di manakah terletaknya masjid tersebut?
27. Secara amnya, apakah tugas atau peranan seseorang imam di dalam masyarakat sesebuah kampung?
28. Adakah masjid kampung ini menganjurkan majlis berbuka puasa pada setiap kali ramadhan
29. Adakah ianya selalu mendapat sambutan?
30. Selain majlis berbuka puasa, apakah lagi program yang dianjurkan di masjid kampung ini?
31. Tahun berapa imam mula melibatkan diri dalam persatuan surau/masjid?
32. Berapa lama imam berkhidmat di surau/masjid tersebut?
33. Bagaimanakah proses pemilihan imam?
34. Bagaimana pelaksanaan pencalonan pegawai dan ahli jawatankuasa surau?
35. Adakah proses pengundian dilaksanakan dalam mesyuarat agung khas pencalonan tersebut?

36. Apakah syarat-syarat utama untuk menjadi imam?
37. Adakah terdapat kategori-kategori tertentu seorang imam itu contohnya imam profesional yang menjadi imam di masjid-masjid?
38. Berapakah jawatan yang diambil kira?
39. Apakah jawatan yang imam sandang?
40. Adakah imam dibayar gaji ataupun secara imam sukarela?
41. Apakah kriteria-kriteria utama dalam pemilihan imam?
42. Siapakah yang bertanggungjawab untuk memilih imam tersebut?
43. Bilakah waktu mesyuarat surau diadakan?
44. Berapa jenis mesyuarat yang biasanya imam hadir?
45. Bila mesyuarat agung khas diadakan?
46. Bagaimana pengendalian mesyuarat dilakukan?
47. Adakah semua jawatankuasa surau diwajibkan hadir?
48. Perlukah setiausaha surau mengeluarkan dan menandatangani notis memanggil mesyuarat kepada ahli?
49. Kebiasaan berapa kali mesyuarat diadakan dalam masa seminggu?
50. Apakah perkara berbangkit yang sering diisukan?
51. Apakah tanggungjawab dan senarai tugas bilal di masjid/surau?
52. Adakah tugas imam pada zaman sekarang lebih mencabar, apa pendapat imam?
53. Selain menjadi imam, apakah jawatan lain yang imam sandang di kampung ini?
54. Bagaimana imam terpilih?
55. Cerita serba sedikit pengalaman imam menjadi tok kadi di kampong?
56. Berapa lama imam berkhidmat sebagai tok kadi?

57. Adakah imam masih bergiat aktif?
58. Adakah akad nikah merupakan satu acara paling penting dalam perkahwinan masyarakat Melayu?
59. Bilakah upacara ini diadakan?
60. Dimana upacara ini sepatutnya diadakan?
61. Apa upacara lain yang diadakan selepas upacara akad nikah?
62. Apakah peralatan yang biasanya digunakan untuk upacara ini?
63. Apa soalan lazim yang kebiasanya ditanya oleh imam kepada pengatin lelaki?
64. Apakah perkara yang paling lucu berlaku sepanjang menikah pasangan pengantin?
65. Seingat imam, berapa banyak pasangan yang telah imam nikahkan?
66. Adakah imam terima bayaran sepanjang menjadi tok kadi?
67. Adakah tugas tok kadi di johor ini berlainan dengan negeri lain? Apakah perbezaanya?
68. Adakah imam mempunyai rakan ataupun bekas bekas kenalan yang bertugas sebagai juru nikah ataupun tok kadi?
69. Adakah penglibatan mereka sama dengan imam?
70. Apa pula pendapat imam tentang nikah cara melayu atau nikah secara islam. Apa pendapat imam?
71. Mengikut pengalaman imam, pernahkah imam menikahkan pasangan yang bukan berasal dari johor?
72. Pernahkah imam melibatkan diri dalam apa apa kursus sepanjang perkhidmatan imam di kampung ini?
73. Aspek mana yang paling mencabar antara kedua-dua tugasannya tersebut. Pilihan mana yang Imam rasa paling mencabar?

74. Adakah imam dapat penambahbaikan dari segi ilmu ataupun pelaksanaan?
75. Adakah menjadi tok kadi perlu mendapat kelulusan daripada jabatan agama Islam Johor?
76. Adakah amalkan sistem tabliq untuk membantu dalam kerja-kerja imam?
77. Apakah pendapat imam tentang Militan IS yang banyak diuar-uarkan sejak kebelakangan ini.
78. Adakah perjuangan mereka ini betul di sisi islam?
79. Anak-anak muda banyak tertarik untuk menyertai IS, apakah yang mendorong mereka menyertai militant ini?
80. Adakah ia mendorong daripada sikap anak muda itu sendiri yang ingin menyertai militant ini?
81. Pada pendapat imam, bagaimakah cara untuk mengelakkan diri mereka dari menyertai militant ini?
82. Sejak akhir-akhir ini di negara kita hampir diserang dengan IS. Dengan cubaan untuk meletupkan bandar-bandar utama di negara. Adakah ia menimbulkan kerisauan pada Imam?
83. Kita sebagai masyarakat , macam mana cara untuk kita mengelakkan dan menghalang mereka untuk menyertai?
84. Pada pendapat Imam selain daripada pengaruh apakah aspek yang boleh menarik minat mereka untuk menyertai kumpulan-kumpulan berikut walaupun kita tahu student adalah orang yang cendikiawan, pandai bijaksana tetapi kenapa akhlak mereka mudah dihancuri
85. Apakah pula pendapat imam tentang fahaman syiah?
86. Adakah syiah juga dilabelkan sebagai bukan islam?
87. Bagaimana pula kita nak membezakan antara ahli Sunnah Waljamaah dengan Syiah ini?

88. Tidakkah fahaman Syiah ini boleh menimbulkan kekeliruan kepada umat Islam?
89. Adakah ia masih berleluasa di negara kita?
90. Adakah perpecahan dalam kalangan Negara Islam adalah berpunca daripada puak syiah?
91. Adakah syiah juga pencetus kepada islamofobia dikalangan orang-orang barat?
92. Apakah pula pendapat Imam tentang tindakan sesetengah orang Islam mengebom pusat pencetakan majalah di Perancis kerana menghina Rasulullah?
93. Apakah harapan imam dalam program keagamaan di kalangan anak-anak muda amnya di negara kita dan khususnya di Kampung Tebing Tinggi ini?
94. Adakah imam menggalakan sosio agama di kalangan anak muda di kampung ini?
95. Apakah strategi imam untuk diterapkan ke dalam diri anak-anak muda untuk menyambung adat dan tradisi di kampung ini?
96. Pada pendapat imam, kenapa generasi sekarang memiliki pemikiran yang cerdas akan tetapi tidak memiliki akhlak yang mulia?
97. Apakah sebab sebabnya dan bagaimana pula cara untuk membendung perkara ini dari terus berleluasa?
98. Pada pendapat imam kenapa generasi sekarang memiliki fikiran yang cerdas akan tetapi tidak memiliki akhlak yang mulia?
99. Persoalannya adakah ibu bapa yang menjadi persoalan?
100. Seperti mana yang telah terjadi kepada kami, seperti yang kami lihat sendiri, ibu bapa beliau merupakan seorang yang kuat agama tetapi tidak kepada anaknya, kenapa perkara ini berlaku?
101. Adakah itu salah kepada ibu bapa atau pun iu bapa itu sendiri terlepas pandang?

102. Kalau kita masukkan aspek pengaruh rakan sebaya, adakah itu menjadi salah satu sebab?
103. Bagaimana pula cara untuk membendung perkara ini?
104. Pada pendapat imam, bagaimanakah cara untuk meraih hati anak-anak muda untuk mendalami bidang agama?
105. Apakah langkah yang bekesan untuk kita menarik perhatian anak-anak muda untuk pergi ke surau dan mendalami ilmu agama, apakah strategi yang berkesan?
106. Adakah imam bersetuju yang generasi sekarang sudah mula menyedari tentang hidup beragama; contoh gadis-gadis pada 80-an ramai yang tidak pakai tudung, zaman sekarang ramai yang dah bertudung, adakah imam bersetuju?
107. Apakah harapan imam terhadap generasi zaman kini dan juga seterusnya?

# **KRONOLOGI TEMUBUAL**

## 7.0 KRONOLOGI TEMUBUAL (DIARI)

Berikut merupakan catatan aktiviti sepanjang proses permulaan tugas sehingga akhir

| NO. | TARIKH/MASA            | AKTIVITI   | ORANG YANG TERLIBAT          |
|-----|------------------------|--|------------------------------|
| 1   | 15/3/2015<br>4.00 p.m  | Perbincangan tentang subjek Oral History                                     | Fadzli, Julaihan dan En. Zul |
| 2   | 19/3/2015<br>10:00 a.m | Perbincangan umum mengenai tokoh yang bakal ditemubual                       | Fadzli, Julaihan dan En. Zul |
| 3   | 22/3/2015<br>4.00 p.m  | En. Zul memberi tugasan  | Fadzli, Julaihan dan En. Zul |
| 4   | 26/3/2015<br>10.00 a.m | Menghantar tugasan yang diberi   | Fadzli, Julaihan dan En. Zul |
| 5   | 3/4/2015<br>10.00 a.m  | Perbincangan mengenai soalan yang akan diajukan                              | Fadzli dan Julaihan          |
| 6   | 5/4/2015<br>4.00 p.m   | Berjumpa En. Zul untuk mendapatkan pengesahan                                | Fadzli, Julaihan dan En. Zul |
| 7   | 9/4/2015<br>10.00 a.m  | Undian kelas untuk memilih tokoh secara berpasangan                          | Fadzli, Julaihan dan En. Zul |
| 8   | 12/4/2015<br>4.00 p.m  | En. Zul menghubungi kenalan di Kampung Tebing Tinggi                         | Fadzli, Julaihan dan En. Zul |
| 9   | 16/4/2015<br>10.00 p.m | Setiap pasangan menerima tokoh dan diberi pandangan dan nasihat oleh En. Zul | Fadzli, Julaihan dan En. Zul |
| 10  | 19/4/2015<br>4.00 p.m  | Perbincangan mengenai tokoh masing-masing                                    | Fadzli, Julaihan dan En. Zul |

|    |                        |  |                                  |
|----|------------------------|--|----------------------------------|
| 11 | 26/4/2015<br>4.00 p.m  | Semua pelajar terlibat melawat kampung Tebing Tinggi   | Fadzli, Julaihan dan En. Zul     |
| 12 | 10/5/2015<br>4.00 p.m  | Membuat kajian tentang temuramah   | Fadzli dan Julaihan              |
| 13 | 21/5/2015<br>10.00 p.m | Menghubungi kenalan Imam Haji Hassan untuk menetapkan tarikh temubual  | Fadzli, Julaihan dan Imam Hassan |
| 14 | 24/5/2015<br>4.00 p.m  | Perbincangan untuk membuat soalan temubual   | Fadzli dan Julaihan              |
| 15 | 4/6/2015<br>10.00 a.m  | Berjumpa En. Zul untuk meminta pandangan dan nasihat   | Fadzli, Julaihan dan En. Zul     |
| 16 | 7/6/2015<br>4.00 p.m   | Berjumpa En. Zul untuk memberi pandangan tentang soalan temubual dan meluluskan soalan dan meminta nasihat           | Fadzli, Julaihan dan En. Zul     |
| 17 | 11/6/2015<br>10.00 a.m | Menyediakan barang-barang untuk dibawa semasa temubual.<br><br>Sesi temubual oleh Fadzli dan Julaihan sehingga tamat | Fadzli, Julaihan dan Imam Hassan |
| 18 | 21/6/2015<br>4.00 p.m  | Membuat transkrip temubual<br><br>Menyemak<br><br>Membuat pengubahsuaian akhir                                       | Fadzli dan Julaihan              |
|    | 25/6/2015<br>10.00 a.m | Membuat hard cover transkrip di Melaka   | Fadzli dan Julaihan              |
| 20 | 30/6/2015<br>10.00 a.m | Penyerahan transkrip kepada En. ZulAzmi  | Fadzli, Julaihan dan En. Zul     |

**RALAT**

## 8.0 RALAT

Ketika temuramah ini sedang dijalankan, terdapat beberapa yang dikesan yang mana mengganggu serba sedikit sesi rakaman temuramah tersebut. Ralat adalah gangguan yang disebabkan gangguan teknikal daripada alat rakaman dan juga persekitaran. Berikut adalah beberapa ralat yang dapat dikesan semasa sesi temuramah bersama Tuan Haji Hassan bin Haji Atan :

- Bunyi batuk
- Bunyi burung
- Bunyi selakkan kertas
- Bunyi tong gas
- Bunyi orang bercakap
- Bunyi masakan
- Bunyi kenderaan
- Bunyi ketawa dan gangguan anak kecil

Walaupun terdapat ralat, gangguan tersebut tidak merosakkan proses sesi temuramah dan penyampaian maklumat adalah masih jelas. Secara keseluruhan sesi rakaman temuramah bersama Tuan Haji Hassan bin Haji Atan berada dalam kualiti yang baik.

# **RUJUKAN**

## 9.0 BIBLIOGRAFI

- Apanama (2014). Kenali Tokoh Islam Di Nusantara - Buya Hamka. Retrieved from  
<https://apanamadotcom.wordpress.com/2014/06/30/kenali-tokoh-islam-di-nusantara-abuya-hamka/>
- (2015) Biografi Dr. Zakir Abdul Karim Naik. (n.d.). Retrieved from <http://www.gerbang-komputer.com/2014/03/biografi-dr-zakir-abdul-karim-naik.html>

# LAMPIRAN

---

## 10.0 LAMPIRAN



Kenangan bersama Tuan Haji Hassan bin Haji Atan



Bersama keluarga Tuan Haji Hassan bin Haji Atan

# INDEK

## 11.0 INDEKS

### A

Alhamdulillah 4,5,6,11,26,28,29,31,32,33,44,46,54,69,70,73,75

Al-Arqam 65,79

### B

### C

Cina 1,7,8,77

### D

Dato Mufti 61

### E

Enakmen 15,32,45,48,79

### F

### G

### H

**I**

Islam 2,3,35,49,50,51,53,55,58,59,60,61,64,66,67,68,72,73,75

**J**

Johor 1,4,7,8,11,14,15,20,32,40,45,47,48,50,51,52,57,58,64

Jabatan agama 15,16,20,32,39,41,44,47,57,58,64

Jementah 31,33,34,38,41,43,44,45,46,52,53

**K**

Kuala Lumpur 62

**L**

**M**

Melaka 47,48,50

**N**

**O**

**P**

Port Dickson 1

**Q**

Qinayah 44

**R**

Rasulullah 46,64,67

**S**

Segamat 1,4,6,8,9,21,55,64

Syiah 16,63,64,65,66,79,86,87

**T**

Tahmir 26,27,68

Taman Harmoni 11,38,72

**U**

Universiti 2

UMNO 74

**V**

**W**

**X**

Y

Z